


SOROTAN DARAT

19



**SISTEM PEMERINTAHAN,
PENGAWALAN,
PERHUBUNGAN DAN
PERISIKAN (P4)
UNTUK TENTERA DARAT**



MEI 1991 JLD 1 BIL 19
ISSN 0128-0171

ARTIKEL KULIT MUKA

SISTEM PEMERINTAHAN, PENGAWALAN,
PERHUBUNGAN DAN PERISIKAN (P4)
UNTUK TENTERA DARAT



SISTEM PEMERINTAHAN,
PENGAWALAN,
PERHUBUNGAN DAN
PERISIKAN (P4)
UNTUK TENTERA DARAT

ARTIKEL

Sistem Pemerintahan, Pengawasan, Perhubungan dan Perisikan (p4) Untuk Tentera Darat	4
The Professionals in the Army	10
Kemampuan Sengaraan Kereta Perisai	16
Iktibar dari Sejarah Peperangan di Zaman Rasulullah SAW	20
Perisikan, Maklumat dan Susunan Strategi	25
Kepimpinan dan Sistem Pentadbiran Unit-unit Askar Wataniah	31
Reserves - Thinking Aloud	31
Pengaruh Pandangan Umum Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Kententeraan Dalam Masa Aman	39
Artilleri Sebagai Satu Profesion	48
The Soviet Artillery Going To Battle Facing Backwards	48
Mewujudkan Keagungan Tembakan	49
Food For Thought	63

TAHNIH

Artikel Terbaik Keluaran ke 18	47
--------------------------------------	----

BUKU BARU

Condemned To Repetition. The United States and Nicaragua - Robert A Pastor	57
The Social Impact of The Chernobyl Disaster	58
The ASEAN Success Story, Social, Economic and Political Dimensions	59
The Study of International Relations. The State of the Art	60
Hostages To Fortune. The Future of Western Interests In The Arabian Gulf	61
Science and Mythology in the Making of Defence Policy	62



SISTEM PEMERINTAHAN, PENGAWALAN, PERHUBUNGAN DAN PERISIKAN (P4) UNTUK TENTERA DARAT

LT KOL HUSSEIN BIN HASSAN

"The mind of a General is buried, not merely for 48 hours, but for days and weeks in the mud and sand of unreliable information and uncertain factors".

Field Marshal Lord Wavell, 1939.

Tentera Darat telah pun mempunyai sistem Pemerintahan, Pengawalan dan Perhubungan yang dibangunkan berperingkat-peringkat semenjak ia ditubuhkan. Sistem ini telah diubahsuai dan dimajukan dari masa ke semasa mengikut keadaan dan kemampuan. Sungguhpun demikian, sistem yang tersedia masih boleh dipertingkatkan terutama dalam aspek-aspek integrasi, "reliability" dan "survivability" yang dianggap terpenting dalam konflik pada masa-masa akan datang. Artikel ini akan menjelaskan secara konsep sistem P4 yang perlu dibangunkan di dalam Tentera Darat.

APAKAH SEBENARNYA SISTEM P4

Sistem P⁴ atau lebih dikenali di peringkat antarabangsa sebagai C³I (Command and Control,

Communications and Intelligence) ialah satu sistem bersepadu yang memberi kemudahan kepada pemerintah di semua peringkat untuk membantunya membuat keputusan dengan cepat dan tepat. Secara kasar ia mengandungi sistem komputer yang dirangkaikan dengan sistem komunikasi secara menyeluruh.

MENGAPA KITA MEMERLUKAN SISTEM P4

Bidang ketenteraan dalam era teknologi tinggi merupakan satu kerjaya yang kompleks. Kini seseorang pemerintah perlu mempelajari tentang angkatan udara, kereta kebal, artileri penangkis kapal terbang; terpaksa mengetahui penggunaan gas, penggunaan alat komunikasi, selok-belok propaganda, mengetahui perkembangan kejuruteraan dan sebagainya.

Kesemuanya ini adalah tambahan kepada tugas biasanya sebagai seorang tentera, Tanpa bantuan dari kemudahan yang dimanfaatkan oleh teknologi, seseorang pemerintah sesungguhnya akan ditenggelami oleh maklumat-maklumat yang tidak mampu diproses dan dianalisis, seperti yang dikatakan oleh Lord Wavell.

Telah diakui bahawa kejayaan sesuatu operasi tentera bergantung kepada kemampuan memerintah dengan menggunakan sistem komunikasi yang berkesan, setelah memperoleh maklumat-maklumat perisikan yang tepat. Oleh itu sistem Pemerintahan dan Pengawasan tidak boleh dipisahkan dari sistem Perhubungan dan Perisikan.

Pentingnya sistem P⁴ dalam ketenteraan moden memang tidak dapat dinafikan. Tambahan pula dalam suasana "combined arms warfare" di mana imbalan dan integrasi elemen-elemen seperti "manoeuvre force, fire support, air defence, intelligence and logistics" menjadi begitu penting. Untuk memerintah satu-satu pasukan seperti itu memerlukan satu sistem yang benar-benar disepadukan bagi menentukan maklumat-maklumat boleh disampaikan dengan cepat, tepat dan selamat.

Tentera Darat telah mempunyai sistem Pemerintahan, Pengawasan dan Perhubungan yang dibangunkan berperingkat-peringkat semenjak ia ditubuhkan. Sistem ini telah diubahsuai dan dimajukan dari masa ke semasa mengikut keadaan dan kemampuan. Sungguhpun demikian, sistem yang tersedia masih boleh dipertingkatkan terutama dalam aspek-aspek integrasi, "reliability" dan "survivability" yang dianggap terpenting dalam konflik pada masa-masa akan datang. Oleh yang demikian pembangunan sistem P⁴ untuk Tentera Darat perlulah mengambilkira perkara-perkara tersebut untuk mendokong matlamat Tentera Darat tahun 2,000.

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telahpun mengambil langkah pertama untuk membangunkan sistem P⁴. Sistem Angkatan Tentera Malaysia ini terhad kepada markas-markas tertentu sahaja dan tidak mungkin memberi kemudahan secara menyeluruh. Oleh itu Tentera Darat perlulah membangunkan sistemnya sendiri bagi memperluaskan sistem ini, sebagai satu subsistem kepada sistem ATM.

OBJEKTIF C³I TENTERA DARAT

Secara umum sistem C³I Tentera Darat perlulah dibangunkan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

- Mampu digunakan sebagai nadi bagi pelaksanaan semua aspek pemerintahan dan

pengawasan unsur-unsur Tentera Darat oleh Panglima Tentera Darat.

- Mampu menerima, memproses, menyimpan dan menyebarkan maklumat-maklumat dan data-data ketenteraan dari pemerintah-pemerintah di medan dan dari sumber-sumber lain dengan kederasan, keselamatan dan ketepatan yang sesuai bagi mendokong segala jenis operasi, untuk dianalisis dan membuat keputusan pemerintahan.
- Mampu memberi liputan komunikasi data, suara dan telegraf secara selamat dan menyeluruh kepada semua unsur yang terletak di merata tempat termasuk Sabah dan Sarawak serta berkemampuan memberi kemudahan yang sama kepada unsur-unsur yang diaturgerak di medan.

ELEMEN YANG PERLU DIPERTINGKATKAN

Tidak keterlaluan jika dikatakan setiap angkatan tentera mempunyai sistem pemerintahan dan pengawalannya sendiri, kerana itulah nadi ketenteraan. Dalam konteks Angkatan Tentera Malaysia amnya dan Tentera Darat khasnya, kita mempunyai sistem tersebut yang sentiasa ditingkatkan keupayaannya dari masa ke semasa mengikut peredaran zaman, perkembangan teknologi dan kemampuan ekonomi. Sebagai sebuah negara membangun kemampuan ekonomi merupakan faktor utama yang menyebabkan pembangunan sistem pemerintahan dan pengawasan tidak seimbang dan mempunyai beberapa kepincangan. Di antara kepincangan yang terdapat pada sistem sekarang adalah seperti berikut:

Sistem Komputer. Keperluan sesuatu sistem pemerosesan maklumat berkomputer memang tidak boleh dipertikaikan. Buat masa ini segala maklumat yang diperolehi dari berbagai sumber seperti utusan, surat-menyurat, panggilan telefon, taklimat, nota dan lain-lain diproses secara manual. Aktiviti ketenteraan kini telah menjadi begitu kompleks dan telah melampaui kemampuan anggota tanpa bantuan sistem prosesan elektronik. Kelewatan bertindak akan menjadi nyata.

Keperluan komputer dalam pengurusan Angkatan Tentera telah mula diberi perhatian sejak beberapa tahun yang lalu. Sistem urusan gaji adalah di antara sistem-sistem yang sedang berjalan lancar. Sistem logistik atau pengawasan inventori juga merupakan satu sistem yang diberi keutamaan sejak beberapa tahun lalu. Kebelakangan ini pula ratusan komputer peribadi (PCs) telah mula dibekalkan. Soalnya mampukah sistem-sistem tersebut memenuhi keperluan pemerintahan dan pengawasan secara menyeluruh? Kenapa tidak dibangunkan secara menyeluruh, meliputi operasi,

logistik, pentadbiran dan lain-lain? Pada hal teknologi maklumat (information technology) telah membolehkan kesemua itu dirangkumkan atau diintegrasikan ke dalam satu sistem yang menyeluruh yang dipanggil "Command and Control System".

Sistem Komunikasi. Di peringkat brigid dan ke bawah sistem komunikasi utama ialah Radio Saluran Tunggal. Walaupun ia merupakan satu sistem yang "convenient", sistem tersebut mempunyai kelemahan-kelemahan tersendiri seperti kurang "reliable", lambat dan tidak selamat. Di peringkat kor dan divisyen pula, sistem radio 'multi-channel' telah mula diperkenalkan dalam tahun 70an sebagai tambahan kepada radio saluran tunggal. Semenjak itu radio 'multi-channel' (radio relay) ini telah menjadi sistem utama. Malangnya sistem ini tidak diintegrasikan walaupun ia mempunyai potensi untuk dijadikan satu sistem yang canggih. Kesemua sistem komunikasi yang ada tidak mungkin mampu menyangga serangan perang elektronik sama ada serangan pasif mahupun aktif seperti yang dialami oleh semua pihak yang terlibat dalam sengketa Teluk baru-baru ini.

SISTEM C'I UNTUK TENTERA DARAT - SATU PANDANGAN

Am. Sistem pemerintahan dan pengawalan Tentera Darat perlulah mengikut satu prinsip yang telah menjadi tunggak pemerintahan, iaitu, satu-satu keputusan perlu dibuat oleh pemerintah-pemerintah di semua peringkat yang diberi tanggungjawab, agar segala sumber, kuasa dan tanggungjawab dipikul sebaik mungkin. Oleh itu sistem ini perlulah memberi kemudahan untuk menyalurkan maklumat kepada pihak-pihak berkenaan secepat mungkin sama ada ke pihak-pihak atasan, bawahan ataupun 'lateral'. Dalam konsep peperangan berbagai unsur (combined arms concept) di mana unsur-unsur manuver, kuasa tembakan, pertahanan udara, perisikan, peperangan elektronik dan logistik perlu diseimbangkan dan diintegrasikan, sistem pemerintahan yang efektif sangat-sangat diperlukan. Keperluan mengkordinasikan aktiviti di medan peperangan berkehendakkan wujudnya satu sistem supaya perkiraan yang cepat dan tepat boleh dilakukan sama ada pada pasukan sendiri atau musuh, pengawalan sumber-sumber dan mengkordinasikan kesemua elemen di medan. Untuk mendokong tugas-tugas ini sistem P⁴ Tentera Darat perlulah mampu mengendalikan data-data yang begitu banyak secara automatik dan mempamerkan data-data ini dalam bentuk yang sesuai untuk dianalisis dan seterusnya, keputusan dibuat oleh pemerintah. Sistem ini juga perlukan satu subsistem komunikasi yang lasak, 'reliable', selamat, kenyal, 'expendable' dan pantas agar ia dapat mendokong keperluan Tentera Darat dalam apa juga konflik di

masa akan datang. Sistem p4 Tentera Darat perlulah mempunyai unsur-unsur berikut:

Pusat Pemerintahan. Untuk menentukan nadi pemerintahan dapat bertahan menghadapi apa juga bentuk ancaman, pusat-pusat pemerintahan serta kemudahannya perlulah mempunyai sistem pendua. Bagi peringkat Department Tentera Darat dan mungkin Markas Kor, sistem pendua perlulah didirikan sebagai 'sistem bunker' bawah tanah. Jika dipandang dari sudut keperluan pertahanan, Tentera Darat perlu mengadakan beberapa 'pre-built bunkers' di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara. Walau bagaimanapun di peringkat divisyen dan kebawah setidak-tidaknya kemudahan pemerintahan dibekalkan sebagai sistem mudah alih (mobile HQ) sebagai sistem penduanya. Kemudahan seperti ini sangatlah perlu kerana 'survivability' untuk markas-markas tersebut bergantung kepada kemampuannya beralih-alih untuk mengelak serangan.

Sistem Komputer


Konsep. Kunci kepada sistem pemerintahan dan pengawalan ialah sistem pengurusan pangkalan data. Demi keselamatan dan kepantasan pemrosesan, sistem pengurusan 'distributed' dan 'replicated' adalah difikirkan sesuai. Sistem ini membolehkan semua pengguna (jika berhak) mendapatkan maklumat yang serupa dan sentiasa dikemaskinikan. Setiap kemasukan data akan mengakibatkan perubahan di semua pangkalan data dalam rangkaian berkenaan secara automatik.

'Architecture'. Memandangkan setiap aktiviti di medan tergolong dalam salah satu daripada fungsi manuver, bantuan tembakan, perisikan/peperangan elektronik, logistik dan pertahanan udara, maka rekabentuk sistem perlulah mengambilkira fungsi-fungsi tersebut. Fungsi-fungsi ini perlu diberi subsistem tersendiri di semua peringkat pemerintahan baik di peringkat Kor Tentera Darat, divisyen atau brigid. Ia dihubungkan secara 'Local Area Network' dalam markasnya sendiri, dan seterusnya secara 'Wide Area Network' kepada markas-markas atasan atau bawahan. Lihat rajah 1.

Kemudahan. Dalam konteks sesebuah markas diaturgerak di medan, kemudahan asas berikut harus disediakan:

- Mengemaskini dan mengeluarkan maklumat.
- Mendapatkan pameran maklumat dalam bentuk yang sesuai untuk mendokong satu-satu keputusan.


Sistem Komunikasi.



Rajah 1

- Komunikasi data kepada semua pengguna.
- Kemudahan 'rolling brief'.
- Kemudahan pengurusan pejabat seperti, 'word processing', mel elektronik dan lain-lain.

Perkakasan. Perkakasan untuk sistem komputer TD perlulah terdiri daripada yang direka khas untuk kegunaan di medan dan memenuhi spesifikasi tentera sepenuhnya dalam semua aspek. Komputer dan alat-alat sampingannya harus dipasang di dalam kenderaan yang boleh diaturgerak bersama-sama unsur-unsur lain dalam satu-satu markas. Lihat rajah 2.



Rajah 2

Am. Untuk merangkaikan kesemua pusat pemerintahan dan pengawalan sama ada dalam bentuk data atau suara, sistem komunikasi yang komprehensif perlu dibangunkan. Sistem komunikasi tersebut boleh dikategorikan seperti berikut:


- Komunikasi Strategik.
- Komunikasi Taktikal Trunk/Rangkaian Kawasan.
- Komunikasi Radio Saluran Tunggal.

Rangkaian Strategik. Rangkaian ini bolehlah diibaratkan sebagai tulang belakang yang menghubungkan pusat pemerintahan Pertahanan Nasional dengan semua markas besar tentera di seluruh negara. Ia perlulah dibangunkan dengan unsur-unsur keselamatan yang tinggi yang mampu bertahan sama ada dari ancaman fizikal mahupun elektronik.

Rangkaian Taktikal Trunk. Sistem komunikasi 'Digital Radio Relay' yang terdapat di beberapa markas formasi merupakan sistem yang sesuai dalam semua aspek dan patut dimanfaatkan sepenuhnya sebagai subsistem komunikasi untuk sistem P⁴ Tentera Darat. Semenjak ia digunakan hingga sekarang, 'radio relay' dirancang penggunaannya mengikut perancangan perhubungan radio saluran tunggal - dari markas ke markas dengan satu 'link' sahaja. Sistem ini, sangat terdedah kepada berbagai ancaman. 'Survivability' sistem ini boleh dipertingkatkan dengan merancang penggunaannya sebagai 'area network' seperti ditunjukkan dalam rajah 3.

Walau bagaimanapun, apabila sistem ini dibangunkan sepenuhnya perancangan terperinci hendaklah dibuat agar sistem ini boleh dihubungkan dengan sistem strategik.

Radio Saluran Tunggal. Komunikasi untuk peringkat yang lebih rendah seperti batalion dan seterusnya kini menggunakan radio saluran tunggal. Radio jenis ini akan terus menjadi sistem utama di peringkat tersebut. Walau bagaimanapun untuk menentukan ia akan terus berkesan walaupun dalam arena perang elektronik, sistem ini perlu dipertingkatkan. Beberapa teknologi baru telah pun dipasarkan untuk tujuan itu seperti, 'burst transmission', 'speech encryption', 'frequency hopping', dan Interference Cancellation Equipment'. Radio saluran tunggal generasi baru akan dilengkapi dengan kemudahan pancaran



Rajah 3


data; jika dimanfaatkan kemudahan komputer dan 'automation' boleh dibekalkan ke peringkat yang lebih rendah. Di samping itu beberapa alat sampingan seperti 'Combat Net Radio Interface (CNRI)' dan 'Mobile Subscriber Equipment (MSE)' telah pun dipasarkan untuk membolehkan pengguna-pengguna radio saluran tunggal dirangkaikan ke dalam sistem 'area network' dan seterusnya sistem strategik. Dengan adanya teknologi-teknologi tersebut kesemua komunikasi boleh dirangkaikan untuk dijadikan satu sistem yang menyeluruh serta ideal seperti dalam rajah 4.

Sistem Perisikan. Unsur-unsur perisikan di semua peringkat pemerintahan memerlukan semua subsistem dan rangkaian yang telah dibincangkan. Apa yang berbeza hanyalah dalam aspek pengawasan maklumat dengan membangunkan modulnya tersendiri. Walau apa pun jenis maklumat perisikan, baik strategik mahupun kombatan dari apa jua sumber sama ada elektronik atau lain-lain, perlulah disebar kepada penggunaannya. Penyebarannya boleh dibuat dengan menggunakan sistem komputer dan pancaran data seperti dibincang, asalkan sistem 'inhibition' diselaraskan agar hanya pihak-pihak yang berhak sahaja dapat menerimanya.

PENUTUP

Keperluan sistem P⁴ yang efektif untuk mana-mana Angkatan Tentera dalam era teknologi tinggi sangat nyata. Jika dihalusi dengan mendalam sistem P⁴ adalah satu 'force multiplier'. Tanpa sistem P⁴ yang efektif pemerintahan dan pengawalan akan menjadi pincang.

Angkatan Tentera Malaysia telah menyedari hakikat ini buat beberapa waktu dan kini telah mula melangkah ke arah menyediakan sistem P⁴ di peringkat Tiga Khidmat. Apa yang diperlukan sekarang ialah setiap Perkhidmatan termasuk Tentera Darat membangunkan sistemnya seiringan dengan rancangan pembangunan dalam aspek-aspek lain. Sistem yang tersedia mempunyai beberapa ciri yang boleh dipertingkatkan tanpa perbelanjaan yang besar. Hanya penelitian dan kepekaan kepada teknologi diperlukan untuk menghasilkan satu sistem yang kos efektif.



Rajah 4



PENGARANG

Lt Kol Hussein bin Hassan telah ditauliahkan dalam Rejimen Semboyan pada 15 Feb 67. Beliau telah menghadiri kursus Kejuruteraan Telekomunikasi, UK pada 19 Jul 72 dan pada 1 Jan 77 telah menghadiri Kursus Army Staff Div II di Royal Military College of Science, UK. Beliau telah lulus kursus jssc, Australia pada 8 Dis 87. Kini beliau adalah Ketua Projek P⁴ di Markas ATM.

It is a luxury to be understood.

– Ralph Waldo Emerson

*What's not worth doing is not worth
doing well*

- Don Hebb

THE PROFESSIONALS IN THE ARMY

Mej Tommy Pereira

INTRODUCTION

In the wake of the laying down of arms by the Communist Party of Malaya emerged a widespread belief that there was no more meaningful role for the Armed Forces. This was expressed by a wide spectrum of the populace; politicians, journalists and men in the street.

The immediate response by the Police in the form of prospective reassignment of Field Force personnel to general duty tasks lent credence to the belief.

Malaysia, like any other developing countries, has to fight a constant battle of ensuring maximum utilisation of available funds. It is both a fiscally and morally demanding task when it comes to deciding priorities of allocation of the small economic cake. It is thus not surprising that there is a constant search to reduce expenditure or eliminated altogether budget items that are considered unimportant or of low priority.

Thus when the CPM laid down arms the first question was what do the Armed Forces do now. This was mainly due to the fact that the present generation of Malaysians associate the Armed Forces only with counter revolutionary warfare as that has been our preoccupation since 1948.

So they associated the laying down of arms by the CPM as a total removal of all threats to the security of our nation. Given the dearth of public discussion of national security matters this is not surprising.



COMMUNISM AS AN IDEOLOGY

Communism only emerged as a political ideology when Karl Marx published the "Communist Manifesto" in 1848 and lasted about 140 years before burying itself in its own quagmire. No doubt some of the major international struggles during this century, such as the Korean and Vietnamese conflicts, pitted Communists against non-communists with the communists generally accepted as the villains. But both the World Wars were launched by a vigorously anti Communist Country; Germany against non communist nations in Europe.

Indeed long before the theories of Communism were expounded by Karl Marx nations have been at war. Reasons for going to war have been numerous and varied. Ideologies seldom featured; greed and lust for wealth and power were more often the cause. Religion and the fight for survival have also sometimes spurred nations to war. Thus the dismantling of the Berlin Wall, the reunification of the two Koreas or even the death of Communism as an ideology are no guarantee of peace and security in this world.

THE CHANGING INTERNATIONAL SCENARIO

The Gulf Crisis coming at this point in time of this century is an excellent example of what can happen even to the hand that feeds generously. Today's friend

can be tomorrow's foe. Today dependent can be tomorrow's conqueror, indeed today's relative could be tomorrow's enemy.

Just as we apprehend, put on trial and jail criminals daily there are in the international scene criminals looking for easy prey. They may not try as often as petty criminals but a single try may result in the obliteration of a nation not only on the map but more important as a people. A comparison of today's international boundaries especially in Europe to that of the 19th Century will bear testimony to this fact.

THE NEED FOR DETERRENCE

There can be no guarantee of security. However, wise national policies, projecting the correct political outlook in the international arena, prudent alignment with desirable neighbours and friends, national unity and stability augmented by a defence capability that spells a bloody nose if nothing else can deter would-be aggressors. In short small nations like Malaysia need a total deterrence scheme.

Our country is very attractive to many. However we are fortunate to have many of the prerequisites including a stable and apolitical defence force, to deter would-be aggressors. While the government continues to take care of the other prerequisites it is important that the Armed Forces plays its role in ensuring that it is an effective part of the total deterrence scheme.

TIME FOR CONSOLIDATION

The laying down of arms by the CPM and also the PRKU in Sarawak should be seen not as a sign for relaxation or disarmament but as a godsend for consolidation. The Armed Forces should use this immediate period to ensure the balanced, professional force that we have set out, for a long time, to be.

Before we can be balanced and professional we have to define both terms. As for the question of a balanced force, from the regular pronouncements in the media it can be gathered that experts are at work on it. Professionalism is also often talked about, however what one actually means when one uses the terms is a bit vague. Let us thus discuss the term professionalism in the military context.

MILITARY PROFESSIONALISM

NEED FOR THE DEFINITION

The term professionalism has been bandied about quite freely for a long while. However there are many

different interpretations of its meaning. While many would decry the need to go into semantics, it is felt that a clear definition is needed, if not for other purposes, at least to serve as a yardstick of measurement of our progress towards professionalism. Otherwise we could go on lamenting the lack of professionalism without actually understanding it.

Is it sufficient to say that in order to achieve professionalism we should be well versed in our responsibilities and perform our tasks correctly? Who are we exhorting towards professionalism? The officer corps? The privates? Or the whole army? Is the whole army a professional body?

EVOLUTION OF ARMIES

The modern army has evolved from the stone age through mass armies to the armies of divisions and finally to the sophisticated and highly technological armies of today. The demands on a soldier and officer have changed dramatically. Where once high lineage and wealth was sufficient to acquire a commission, a tertiary education is the basic prerequisite for an officer in many modern armies.

What used to be part time responses to the call of arms during campaigns, national emergencies and crusades is now a full time permanent career, although most countries still maintain a part-time volunteer force as a backup. The demands of a modern man in arms are far more demanding and complex than those of yesteryears. Hence there is a justifiable claim to and recognition of professional status.

THE MILITARY PROFESSIONALS

Before discussing the military professionals let us examine the definition of the term "professional" in a general context. An example of the characteristics of a profession is at Annex A.

A cursory examination of the characteristics listed at Annex A is sufficient to conclude that the military profession falls into the category of professions as defined. However there are certain characteristics which fit the military model stronger such as maintaining monopoly of control over military knowledge, maintaining autonomy over military matters and being a self contained community. The other characteristics while generally applicable are however open to debate as to the strength of their applicability.

We can also add the following characteristics to the military professions:

- Legally military training is only available to those who the military consider suitable for

such training.

- The modern military is a complete society in itself containing a host of other professionals.
- The military is responsible for the execution of violence in order to ensure the security of their society.

Professor Samuel Huntington states that the military profession monopolises the knowledge and skills related to the "management of violence". He says "a distinct sphere of military competence is perhaps best summed up by 'The management of violence'." However the phrase "management of violence" apart from giving a connotation of unlawfulness does not adequately define the total spectrum of the expertise of the military. Many armed forces throughout the world, have in a variety of diverse non violent ways, contributed to the well being of their nations as well as the world.

General Sir John Hackett notes, "The function of the profession of arms is the ordered application of force in the resolution of a social problem". To that could be added, especially in the Malaysian context, "A secondary function of the profession of arms is the application of expertise in the provision of assistance to society in nation building efforts". Thus although the military is a complete society, within itself, its members are from society, it is responsible to society and as such it must be able to interact with all strata of the society.

There is however a wide gulf fixed between the military profession and all others. Only the serviceman stakes his life and limbs and only the serviceman must function effectively in situations of terror and panic that naturally make for least efficient action. Only the soldier has quite the same dependence on his fellows and on the adequacy of their performance not only as individuals but as a group.

In other words in addition to all the other prerequisites towards being a professional the military professional needs psychological qualities far surpassing those of the average human. He also needs to have a very high sense of esprit-de-corps as well as complete faith and trust in his colleagues.

A NATION'S DEPENDENCE IN THE MILITARY PROFESSION

It must also be realised that more than any other, a military professional has the capacity to affect the future of his society. There are many societies which are military governed. Do the other end of the spectrum

are professional, efficient military forces which maintain an apolitical profile but nevertheless provide a source of confidence at home and deterrence abroad.

No nation in the world can deny that their present state of affairs, good or bad is a result of the efficiency or otherwise of their military. Some nations such as Japan and Germany have used military catastrophes as a cornerstone to a more dynamic future while others such as Britain, Spain, Holland have built up their wealth and status on the foundations provided by military conquests. There are also nations whose future has been governed by the military actions of other nations.

Thus, even at the risk of being accused of self glorification it must be asserted that the military is a vital profession in any nation. A cursory examination of the yearly financial allocation for defence expenditure throughout the world is a sufficient testimony to support the assertion. In Malaysia \$2.31 billion or about 15 percent of our GNP was allocated for Defence in 1990, money which could be put to good use in other areas of development. The Government obviously feels that there is a need for a strong defence and it is our duty to ensure that we justify the amount allocated. The least we can do is to ensure a truly professional military force.

Military service must therefore be seen as a noble service where individuals need to make tremendous sacrifices for the sake of their nation. Public recognition and appreciation while not paramount are nevertheless desirable. It is the duty of the military to prove that they are worthy of recognition and appreciation in the absence of an immediate threat.

WHO ARE THE MILITARY PROFESSIONALS

Having established that the military as a body comprises the professionals there is now a need to differentiate the professionals from the non professionals within the military. The Ministry of Health provides professional medical care. However, while doctors are professionals, nurses, hospital assistants and laboratory assistants are not; they are technicians or skilled workers. The difference is based on the level and extent of theoretical knowledge and expertise required of each of them. The doctor diagnoses ailments and plans a course of treatment which is implemented by his numerous assistants.

In the military too there is a need for planning and execution. To plan efficiently there is a requirement for a very comprehensive theoretical knowledge backed up by experience. However the executor needs only to know the details of the plan decided by the planner and he proceeds to implement it in accordance with the training

and the experience he has acquired. In this scenario those who plan need to possess the characteristics of a professional while the executors do not.

It is therefore obvious that when we refer to military professionals we are actually referring in the Officer Corps. Many social scientists support this assertion. Abrahamsson notes, "Military profession means the most professionalised part of the military occupation group which is the Officer Corps". Huntington said, "The modern Officer Corps is a professional body and the modern military officer is a professional man". Janowitz also concludes, "The Officer Corps can be analysed as a professional group". Feld on the other hand notes "The sociology of the military profession is in essence the study of an elite group.... I am dealing exclusively with members of the Officer class".

Having established that the Officer Corps is a professional group it does not mean that every officer is automatically a professional. A commission is mere recognition of the fulfilment of the basic criteria for a career. It is merely the first step towards a professional career. This is especially so in the Malaysian army where the academic entrance qualification is merely the SPM and a regular cadet only spends two years at the Royal Military College on, what is essentially, a basic military course. A young officer who aspires to be a professional has to embark on a concerted effort to expand his academic and military theoretical knowledge. The system has to educate him in every way possible both within and outside the military.

Army officers have to satisfy all the prerequisites of a professional before he can claim to be one and expect to be recognized as one.

CRITERIA FOR A MILITARY PROFESSIONAL

It can thus be concluded that a military professional must meet the following criteria:

- The minimum physical standards for entry.
- The minimum academic standards for entry.
- Possesses leadership qualities.
- Be prepared to devote oneself to a fulltime military career.
- Attains a high level of general knowledge to enable him to keep abreast of national and international developments.
- Attains a high level of academic education equivalent to tertiary standards.
- Attains a high level of general military knowledge.
- Attains an expert level of theoretical and practical knowledge in his chosen speciality

within the forces.

- Develops an ability to interact confidently with professionals in other fields.
- Develops an ability to hold appointments with political and diplomatic dealings.

CURRENT SITUATION

Physical Standard For Entry.

The physical standards stipulated by the Armed Forces Council as per its instructions No 1/81 are as at Annex B. They have not been reviewed since their original inception. It is felt that the height and weight criteria needs to be reviewed. Effective leadership is dependent to a certain extent on physical attributes. While we do not need an officer corps of handsome actors we do however need leaders who can elicit respect by personal bearing. Soldiers like to and need to literally look up to their leaders. Leaders should also have a built that will inspire confidence. It is thus proposed that the minimum height of potential officer applicants be raised to 5 feet 5 inches or 165 cm. The minimum weight should thus be proportionately increased to 50 kilograms.

Academic Standards.

Given the fact that officers need to acquire, at sometime during the early part of their career, a tertiary equivalent level of academic qualification, academic requirements for entry should thus be a minimum of pre tertiary. The current level is SPM with credits in Bahasa, Mathematics and Science are far too inadequate especially given the technological and scientific bias the defence aspects have developed into today. Furthermore today's rank and file are far more advanced in terms of basic education compared to those of yesteryears. A cross section of the current recruit intake in the Recruits Training Centre at Port Dickson is as at Annex C. 83.6% of the recruits have completed form 5 which means that they are on par with officer cadet entrants in terms of basic academic exposure. It is thus necessary to raise the academic entry requirement for officer cadets to STPM level or equivalent.

Thereon an academic input equivalent to a diploma be injected during Cadet Training facilitating entry into tertiary institutions or enabling the pursuit of off-campus tertiary programmes.

CONCLUSION

The present state of affairs in the defence scenario of the nation as well as the world presents an ideal opportunity for consolidation of the Army. This opportunity should be made full use of towards ensuring

a professional Army. To facilitate the achievement of professionalism there is first a need to define professionalism. Having done this a programme will then have to be drawn up to achieve the status.

And to begin with, the Army should consider reviewing the physical requirements for officer cadets as indicated, and not to mention that the academic entry qualification be up graded to, at least, the STPM level.

ANNEX A

CHARACTERISTICS OF A PROFESSION

1. The profession maintains a monopoly control over a body of defined theoretical knowledge and the practical abilities that accompany such knowledge.
2. Aspirants to the profession must undertake intensive, lengthy, formal and practical education and training.
3. The activities of the profession are located areas of vital concern to humankind.
4. The relationship between the profession and society is based upon altruistic service by the former to the latter.
5. The profession maintains a considerable degree of autonomy over matters such as recruitment and training practices, the behaviour expected of its members and the maintenance of professional standards.
6. The profession is organised into form of community.
7. The profession is seen a full time permanent career oriented form of occupation.
8. Society sanctions the activities of the profession as morally praiseworthy.

ANNEX B

MINIMUM PHYSICAL AND MEDICAL STANDARDS FOR OFFICER CADET APPLICANTS

T	T	TA	DE	M	M	O	T	Kenal Warna	Tinggi	Berat
P	U	L	H	E	E	M	S	(CB)	(Height)	(Weight)
2	2	2	2	3/1	3/3	2	2	3	157.5cm (5 kaki 2 inci)	47.7kg (205 lbs)

ANNEX C

SUMMARY OF ACADEMIC QUALIFICATIONS
RECRUITS INTAKE 2/90
RECRUITS TRAINING CENTRE

TINGKATAN 6/DIPLOMA

1. Diploma Politeknik	-	2	
2. Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia	-	34	
Jumlah		36	8.5%

TAMAT TINGKATAN 5

3. Sijil Pelajaran Malaysia			
a. Gred 1	-	18	
b. Gred 2	-	174	
c. Gred 3	-	937	
4. Sijil Am Pelajaran	-	572	
5. Sijil Pelajaran Vokesyional	-	89	
6. Tamat Tingkatan 5	-	516	
Jumlah		2306	75.1%

TAMAT TINGKATAN 3

7. Sijil Rendah Pelajaran

a. Gred A	-	159	
b. Gred B	-	279	
c. Gred C	-	44	
d. Gred F	-	243	
Jumlah		725	16.4%
Jumlah Keseluruhan		3068	100%



Mejar Tommy Pereira was commissioned from Royal Military Academy, Sandhurst, UK in December 1970, into the Regiment of Engineers. He has served all levels of command in a field squadron. He has also served the Engineer Branch of the Department of the Army, HQs Malaysian Engineers, 1 and 2 Divisions, and the Army Engineer School, Kluang.

Currently, Mej. Tommy Pereira is attached to the Royal Military College, Sungai Besi.

To Err is (only) Human

The world always makes the assumption that the exposure of an error is identical with the discovery of truth - that error and truth are simply opposite. They are nothing of the sort. What the world turns to, when it has been cured of one error, is usually simply another error, and may be one worse than the first one.

– H L Mecken

Wise men learn by other men's mistakes, fools by their own.

– H G Bohn

The man who makes no mistakes does not usually make anything.

– W.C. Madge

A Life spent in making mistakes is not only more honourable but more useful than a life spent in doing nothing.

– George Bernard Shaw

KEMAMPUAN SENGGARAAN KERETA PERISAI

Lt. Kol Mohd Kamal Omar



SEJARAH

Kereta perisai pertama yang digunakan oleh Kor Armor ialah jenis Ferret MK II yang mempunyai ciri-ciri yang mudah. Ia mempunyai sebuah enjin enam lejang jenis Roll Royce dan lengkap dengan senjata 'Browning point 30'. Kereta perisai ini dikendalikan oleh dua orang sahaja. Sejajar dengan pembesaran ATM kenderaan yang lebih moden dimasukkan ke dalam inventori Rejimen Kavalri. Kereta perisai ini ialah jenis Commando V 150 dan V 100. Kereta perisai Commando V 150 dilengkapi dengan senjata 80mm MECAR dan tiga laras senjata MGKA 7.62mm. Tujuan utamanya untuk memberi bantuan tembakan rapat. Kereta perisai V 100 adalah sebagai pengangkut anggota dan dilengkapi dengan dua laras MGKA 7.62mm. Pada tahun 1985 Kor Armor telah memperolehi empat jenis kereta perisai baharu iaitu Scorpion, Stomer, Sibmas dan Condor. Kereta-kereta perisai Sibmas dan Scorpion lebih canggih kerana mempunyai komputer di


dalam sistem kawalan tembakannya. Kereta-kereta perisai Condor pula Stomer pula dilengkapi dengan senjata 20 mm Derlikon dan MGKA 7.62 mm.

Sehubungan dengan pembesaran ini juga pasukan JLJ yang sentiasa berdamping dengan rejimen-rejimen Kavalri telah dipertingkatkan tarafnya dari Detacmen Bantuan Kecil (DBK) kepada Woksyop Rejimen. Dengan peningkatan itu, organisasi mereka turut dirombak daripada kekuatan dua orang pegawai dan 67 orang LLP semasa DBK, kepada dua orang pegawai dan 105 orang LLP dalam Wksp. Pembesaran ini diharap akan dapat menambah kemampuan JLJ menyenggara kereta-kereta perisai yang ada sekarang.

SISTEM SENGGARAN

Rawatan harian yang dilaksanakan oleh krew-krew kereta perisai merupakan asas kepada sistem senggaraan yang ada sekarang. Rawatan harian akan dapat

ALIRAN PERMOHONAN BARANG GANTI



RAJAH 2

KEDUDUKAN KERETA PERISAI KOR ARMOR

Pasukan	KERETA PERISAI									Jumlah Pegangan Kereta Perisai	Peratus Boleh Gerak
	AFV			APC			FERRET				
	Perja-watan	Pega-ngan	Boleh Gerak	Perja-wata	Pega-ngan	Boleh Gerak	Perja-watan	Pega-ngan	Boleh Gerak		
1 Armor	32	32	11	56	53	33	24	23	07	108	46%
2 Armor	32	32	14	56	53	30	24	27	07	112	45%
3 Armor	32	32	32	56	53	36	24	23	08	108	70%
4 Armor	32	10	08	56	53	43	24	10	03	73	73%
11 Armor	20	23	05	22	25	16	-	-	-	48	43%
Sek Armor	08	10	04	19	19	09	08	-07	03	36	44%

Nota:

1. Pegangan APC adalah termasuk APC (A) dan ACV.
2. Pegangan APC di Sek Armor termasuk Stromer dan ACV.
3. Maklumat ini adalah tepat sehingga Mac 1989.

Rajah 3

kerosakan didapati dan barang ganti diperlukan maka prosedur memohon barang ganti sebagaimana di rajah 2 akan diikuti.

PEMERIKSAAN TAHUNAN PAKAR JLJ

Pemeriksaan ini diadakan tiap-tiap 18 bulan sekali bertujuan memaklumkan kepada pegawai memerintah pasukan dan seterusnya kepada panglima-panglima markas formasi (briged, divisyen dan Kor) atau jika perlu kepada Panglima Tentera Darat berkenaan keadaan boleh-gerak servis, teknikal dan keadaan kemampuan operasi alat-alat kelengkapan yang dipegang oleh pasukan Angkatan Tentera Malaysia.

Pasukan-pasukan yang memperolehi keputusan yang tidak memuaskan akan dibuat pemeriksaan semula. Pemeriksaan semula ini akan dilakukan tiga bulan dari pemeriksaan terakhir. Laporan pemeriksaan semula ini akan dimajukan melalui saluran pemerintahan yang sama.

KEDUDUKAN BOLEH GERAK KERETA PERISAI DI DALAM KOR ARMOR

Kedudukan boleh gerak kereta-kereta perisai di dalam Kor Armor adalah rata-rata rendah disebabkan oleh masalah perolehan barang ganti. Mengikut perangkaan kedudukan boleh gerak bagi kenderaan perisai dalam Kor Armor sehingga bulan Mac 89 hanya 53.5% daripada keseluruhan pegangan 485 buah kenderaan (sila lihat rajah 3).

MASALAH SENGGAHAN

BARANG GANTI

Kereta perisai yang telah diklasifikasikan sebagai Tak Boleh Gerak (TBG) dan memerlukan barang ganti merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pasukan-pasukan. Barang ganti kereta-kereta perisai Scorpion dan Stormer menimbulkan masalah yang paling besar

dan ketara. Barang-barang ganti yang dipohon pada tahun 1986 masih terbengkalai sehingga sekarang. Permohonan jenis 'A' yang sepatutnya dapat dipenuhi juga masih lagi terbengkalai. Oleh yang demikian segala barang ganti yang dipohon yang tidak ada stok di Depoh Pusat Ordnan (DPO) terpaksa dibeli. Proses ini akan memakan masa yang panjang. Tambahan pula pihak kontrak pembekal diberi kemudahan had masa hingga setahun untuk membekalkan barang ganti ke DPO.

Sejak kereta-kereta perisai mempunyai sistem kawalan tembakan yang sofistikated maka barang-barang ganti 'turret', pejera dan meriam juga menimbulkan masalah yang besar. Masalah ini merupakan masalah umum bagi semua jenis kereta perisai di dalam Kor Armor. Apabila permohonan jenis 'A' ini tidak dapat dipenuhi, maka permohonan pembelian terpaksa dikemukakan setiap kali membuat permohonan tersebut.

Difahamkan bahawa peruntukan kewangan untuk membeli barang-barang ganti juga menjadi masalah utama. Peruntukan kewangan tidak mencukupi bagi menampung pembelian barang-barang ganti yang diperlukan. Selagi permohonan jenis 'A' tidak dapat dipenuhi masalah barang-barang ganti akan tetap wujud. Proses pembelian yang begitu lama bermakna setiap barang ganti yang dipohon akan mengambil masa sehingga setahun sebelum ia sampai ke DPO. Ini juga bermakna sekiranya barang ganti yang diperlukan itu diperolehi kelak, besar kemungkinan kereta perisai berkenaan akan menghadapi kerosakan yang lain pula.

KESIMPULAN

Pada kesimpulannya faktor-faktor yang perlu diambil perhatian untuk meningkatkan taraf senggaraan kereta perisai adalah liputan barang ganti. Kemampuan pihak JLJ membaiki kerosakan-kerosakan bergantung kepada adanya barang ganti. Proses pembelian barang-barang ganti perlu dikaji dengan lebih mendalam terutamanya untuk mengatasi faktor kelewatan hantaran dari pihak pembekal, dengan merancang keperluan lebih awal.



Lt Kol Mohd Kamal telah ditauliahkan ke dalam Kor Armor Diraja pada 16 Feb 67. Beliau memegang beberapa jawatan penting di peringkat rejimen dan staf termasuk di Bahagian Staff Perisikan Pertahanan, KEMANTAN dan di JKKN, Perak. Beliau juga telah menghadiri beberapa kursus penting seperti kursus Armoured Gunnery Instructor di UK dan Command and Staff College, Quetta, Pakistan. Beliau telah memperolehi Diploma Lanjutan Pengajian Strategi dan Keselamatan dari UKM pada tahun 1988. Kini beliau menjadi Pegawai Memerintah 11 Armor Diraja.



Ikhtibar dari Sejarah peperangan di Zaman Rasulullah SAW

Mej Hj Mohammad Rahim bin Hj Awang

PENDAHULUAN

Pada waktu awal penubuhan kerajaan Islam Madinah, Baginda Rasulullah SAW, selaku ketua negara menghadapi banyak ancaman. Usaha untuk meruntuhkan kerajaan Islam itu berlaku setiap saat. Musuh utama kerajaan Madinah ketika itu ialah kaum Musyrikin Mekah; begitu juga kabilah-kabilah di sekitar Madinah tidak kurang hebat mengancam Madinah. Manakala dari dalam Kota Madinah pula Baginda Rasulullah SAW menghadapi ancaman subversif dari kaum Yahudi dan munafik. Madinah pada ketika itu sebuah negara yang muda dan serba kekurangan. Dalam keadaan yang begitu cemas, tidak terlintas di hati Baginda Rasulullah SAW untuk mengistiharkan perintah berkurung atau darurat, apatah lagi untuk mengistiharkan pemerintahan cara Tentera. Walaupun begitu Madinah amat bernasib baik, kerana ia memiliki warga negara yang bertakwa dan berdisiplin serta sanggup berkorban apa sahaja demi kedaulatan Islam dan negara.

Sebagai sebuah negara yang muda, kerajaan Madinah tidak memiliki satu Angkatan Tentera yang tetap, atau alat senjata yang baik dan mencukupi, malah

pejabat perang pun tidak ada. Namun begitu, selaku Ketua Negara dan Panglima tertinggi, Baginda masih berupaya mengalahkan musuh yang sentiasa mengancam Madinah. Sepanjang sepuluh tahun memerintah Madinah, Baginda Rasulullah SAW telah memimpin sendiri bala tentera ke medan perang sebanyak 28 kali dan ini tidak termasuk Angkatan Perang yang dipimpin oleh Panglima yang dilantik oleh Baginda. Sebagai makluman cuba kita lihat statistik peperangan di zaman Baginda SAW seperti dibawah ini:

Tahun	Gaywah	Sariyah
1	0	3
2	8	4
3	4	2
4	2	3
5	4	1
6	3	11
7	3	11
8	3	10
9	1	6
	28	51

Sejarah peperangan dalam Islam ialah sejarah peperangan dakwah. Dalam setiap peperangan, Baginda SAW telah cuba menghindari daripada melakukan pembunuhan yang banyak kerana pembunuhan yang minimum semasa perang dituntut oleh Islam kecuali di dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan lagi. Sejarah telah membuktikan bahawa peperangan yang dicebuti oleh Baginda agak banyak, tetapi nyawa yang terkorban amat sedikit. Statistik di bawah adalah maklumat yang diperolehi dari riwayat Ibu Hisham:

Peperangan	Jum Tentera Musuh	Kematian	Jum Tentera Islam	Syahid
Badar	950	70	313	14
Uhud	3,000	22	700	70
Mustaliq	400	10	30	1
Khandaq	12,000	8	3,000	6
Khaibar	20,000	93	1,500	15
Mu'fah	100,000	tidak diketahui	3,000	13
Mekah	Tidak diketahui	13	10,000	3
Hunain	sama	tidak diketahui	12,000	4
Taid	sama	sama	12,000	12

Berikut marilah kita cuba melihat sejarah peperangan yang dipimpin sendiri oleh Baginda Rasulullah SAW. Kehebatan dan kewibawaan Rasulullah SAW sebagai Panglima perang adalah terbukti, di mana Baginda SAW masih dapat menguasai setiap peperangan yang diceburi khususnya, walaupun tentera Islam berada di dalam serba kekurangan khususnya dari segi kekuatan dan alat senjata.

PEPERANGAN BADAR

Peperangan Badar ini telah berlaku dalam tahun kedua Hijrah. Peperangan ini amat penting sekali dalam sejarah Islam. Kejayaan Rasulullah SAW dalam peperangan ini telah merubah dan mewarnakan sejarah Kerajaan Islam selanjutnya. Peperangan ini telah berlaku di lembah Badar di antara Tentera Musyrikin Quraisy di bawah pimpinan Abu Jahal dan Abu Sufian. Peperangan ini telah membuktikan Baginda Rasulullah SAW sebagai Panglima perang yang unggul; hanya dengan kekuatan 313 orang sukarelawan perang, termasuk tiga orang berkuda tanpa pasukan meriam kecuali dengan kelengkapan yang terhad dapat mengalahkan musuh sebanyak tiga kali ganda, termasuk 100 orang tentera berkuda dan dengan bantuan logistik yang cukup.

Rasulullah SAW senantiasa membangkitkan semangat jihad kepada bala tenteranya dengan memberi

ucapan dan nasihat yang bernas. Baginda menekankan bahawa kemenangan di dalam sesuatu peperangan adalah hak Allah tetapi kita mestilah berusaha, berikhtiar serta membuat persiapan yang secukupnya. Kekuatan sebuah angkatan tentera itu bukan terletak pada jumlah atau kelengkapan perang semata-mata, tetapi bergantung kepada kualiti tentera itu sendiri. Tentera yang banyak tetapi tidak bermoral dan tidak berdisiplin akan mudah dikalahkan oleh tentera yang bertakwa, berakhlak dan berdisiplin, walaupun jumlah mereka kecil sahaja. Dalam

hubungan ini Allah SWT telah menjelaskan di dalam surah Al Baqarah ayat 249 yang bermaksud, "Berapa banyak bilangan yang kecil dapat mengalahkan bilangan yang banyak dengan Izin Allah, dan Allah bersama orang yang sabar." Berkat kebijaksanaan Rasulullah SAW, Badar berakhir dengan kemenangan di pihak Islam, di mana mereka telah dapat menawan musuh seramai 70 orang dan membunuh seramai 70 orang, termasuk panglima mereka Abu Jahal. Kemenangan ini ialah anugerah Allah kepada tentera Islam yang bertakwa.

PEPERANGAN UHUD

Dendam kekalahan kaum Quraisy makin membara bila peristiwa kekalahan ini menjadi buah mulut di kalangan kabilah Arab. Oleh itu Abu Sufian telah menyediakan satu Angkatan Perang seramai 3,000 orang, termasuk tentera berkuda seramai 200 orang di bawah pimpinan Khalid bin Al-Walid. Ia juga disertai oleh 70 orang veteran perang dengan bekalan 3,000 ekor unta. Manakala Tentera Islam di bawah pimpinan Rasulullah SAW seramai 700 orang telah bersedia menghadapi musuh di kaki Bukit Uhud. Baginda juga telah menempatkan pasukan pemanah di sebuah Bukit sebelah Uhud, dengan berpesan supaya jangan meninggalkan kedudukan mereka sama ada menang atau kalah.

Pertempuran berlaku dengan hebat sekali. Tentera infantri Islam di bawah pimpinan Ali bin Abi Talib RA telah berjaya mengalahkan tentera infantri Quraisy di bawah ketua mereka Talhah bin Abi Talhah. Talhah serta sembilan orang yang memegang bendera Quraisy telah dibunuh oleh Ali bin Abi Talib. Pasukan pemanah Islam pula berjaya menghalang tentera kavalri pimpinan Khalid Al Walid untuk membantu tentera infantri Quraisy. Akhirnya tentera musuh lari meninggalkan medan peperangan bagi menyelamatkan nyawa.

Pasukan pemanah yang berada di atas bukit telah melanggar perintah dan arahan Panglima Tertinggi mereka. Mereka telah menuruni bukit dan mengumpulkan harta rampasan. Keadaan ini telah diperhatikan oleh Khalid bin Al-Walid. Beliau telah mengambil kesempatan menyerang saki baki pasukan pemanah, sebelum melancarkan serangan balas secara besar-besaran. Serangan balas ini telah menghancurkan barisan pertahanan yang mengawal keselamatan Rasulullah. Baginda telah dikepung oleh musuh. Hanya Talhah bin Khuwalid, Saad bin Abi Waqas dan Abu Dajana sahaja yang masih bertahan mengawal Panglima Besar Islam itu. Kemudian itu Abu Dajana mendapat Syahid, manakala Nabi SAW sendiri terjatuh ke dalam jerangkap samar Quraisy hingga patah gigi dan luka-luka.

Dalam suasana yang genting itu, Baginda SAW menghadapinya dengan tenang, sambil mengumpulkan kembali tentera yang hampir hancur itu. Satu waktu, Khalid telah dapat menghampiri Rasulullah, tetapi belum sempat membuat sesuatu, dia telah dihalau jauh oleh Omar bin Al-Khattab. Kemudian Rasulullah dilihat oleh seorang sahabat lalu berseru dengan nyaring, "Wahai Tentera Islam, Rasulullah masih hidup". Seruan ini telah membangkitkan kembali semangat tentera Islam dan terus berjuang dengan tenang dan sabar. Akhirnya tentera musuh kecewa menghancurkan tentera Islam berkat kesabaran dan ketenangan Rasulullah SAW.

AL-AHZAB

Dua tahun kemudian, kaum Quraisy, walaupun sudah putus asa untuk menghancurkan Madinah melalui pengalaman peperangan-peperangan Badar dan Uhud, tetapi kerana pujukan kaum Yahudi serta sokongan Kabilah kecil di sekitar Madinah, Angkatan Tentera Perang bersekutu dapat mengarahkan sejumlah 12,000 orang bala tentera di bawah pimpinan Abu Suffian bin Harb. Kekuatan sebegini pada masa itu sudah cukup untuk menakutkan mana-mana kabilah di Semenanjung Arab. Baginda Rasulullah SAW dengan bantuan sahabatnya seorang Parsi, telah memperkenalkan satu taktik pertahanan yang dimaksudkan itu ialah menggali parit di sekeliling Kota Madinah. Projek ini telah disertai oleh semua orang Islam Madinah, termasuk Baginda

SAW sendiri. Bekalan makanan disediakan dengan secukupnya.

Tentera Al-Ahzab atau bersekutu itu terkejut melihat cara dan strategi pertahanan yang baru itu. Mereka mengepung selama sebulan. Akibatnya bekalan makanan hampir habis, dan lebih menyedihkan orang Islam dari Bani Quraza Yahudi, telah berpaling tadah dan menyebelahi musuh. Madinah pula terdedah kepada serangan musuh dari dalam. Tetapi berkat ketenangan dan ketabahan Rasulullah SAW serta gerakan perisikan Islam yang berusaha melaga-lagakan tentera bersekutu, Madinah terselamat. Tentera musuh mula diserang oleh perasaan curiga di antara satu sama lain, dan di dalam keadaan yang sama Allah telah menolong hambaNya yang beriman dan bertakwa itu dengan menghantar tenteranya. Angin taufan telah menghancurkan perkhemahan tentera bersekutu yang selama ini sudah tenat ditimpa perasaan takut itu. Abu Suffian mengarahkan tenteranya berangkat pulang sewaktu angin sedang bertiup kencang. Madinah terselamat dengan pertolongan Allah. Dan Baginda mengumpulkan orangnya terus menyerang Bani Quraisy yang berpaling tadah dan menghukum mereka mengikut undang-undang mereka.

PEMBUKAAN KOTA MEKAH

Dalam tahun ke 6 Hijrah, Rasulullah SAW telah membuat perjanjian dengan kaum Quraisy. Perjanjian ini dikenali sebagai perjanjian Hudaibiyah. Inilah pertama kali di dalam sejarah Dakwah Islamiyah di mana Rasulullah SAW dan kabilah Arab yang bersimpati dengan Islam selamat dari gangguan. Baginda SAW telah menghantar surat dan diplomat Madinah untuk memperkenalkan Islam di luar tanah Arab. Suasana aman ini telah memberi peluang kepada kabilah Arab untuk memahami ajaran Islam. Dalam jangka tidak sampai tiga tahun setelah termeterainya perjanjian ini, kabilah Arab telah berduyun-duyun masuk Islam. Di antara mereka ialah Khalid bin Al Walid dan Umru bin Al'As. Setelah dua tahun mengikat perjanjian tidak saling memerangi, maka kaum Quraisy mulai melanggar perjanjian tersebut. Dan Rasulullah SAW telah pun bersedia untuk mengambil tindakan terhadap perlakuan mereka.

Kira-kira dalam tahun ke 8 Hijrah, Baginda SAW telah menyiapkan satu Angkatan Perang yang berjumlah seramai 10,000 orang. Tidak seorang pun mengetahui akan tujuan persiapan perang ini. Sehingga satu waktu Abu Bakar Assidiq RA sahabat karib dan bapa mertua Nabi pergi menemui Ummul Mukminin Siti Aisha RA yang kebetulan anaknya untuk mengetahui tujuan disebalik persiapan itu. Tetapi Siti Aishah sendiri tidak mengetahui. Begitulah rapinya perancangan Rasulullah SAW.

Dengan sejumlah kekuatan yang menggerunkan itu, Baginda selaku Panglima Perang telah mengarahkan supaya bertolak ke satu arah yang bukan menuju ke Kota Mekah. Jalan yang diambil pula ialah jalan yang sukar dan berliku-liku, namun tempat yang dituju masih dirahsiakan. Pergerakan yang rapi dan penuh rahsia ini tidak dapat dikesani oleh Musyrikin Quraisy. Mereka hanya mengetahui setelah tentera Islam berkemah di sekeliling bandar Mekah. Dan kemudiannya Baginda mengarahkan anggota tentera supaya memasang api bagi mengelirukan lagi kaum Quraisy tentang jumlah kekuatan sebenar tentera Islam. Keadaan ini telah menampakkan bahawa jumlah kekuatan tentera Islam adalah sangat besar. Masyarakat Quraisy telah ditimpa ketakutan. Manakala persiapan untuk mengadakan satu angkatan perang pun sudah terlambat. Maka Mekah sudah pun dikalahkan.

Keesokan harinya Mekah dibuka dengan selamatnya. Tiada tentangan yang diterima, cuma terdapat sedikit tentangan dari pemuda Quraisy yang dipimpin oleh Akrimah bin Abu Jahal terhadap ketumbukan Khalid bin Al Walid. Keampunan menyeluruh diberikan oleh Baginda Rasulullah SAW kepada semua yang menentang dan menyusahkan Rasulullah. Maka ramai dari kalangan mereka itu memeluk Islam.

HUNAIN

Setelah membersihkan Kaabah dari sebarang patung dan berhala, Baginda telah mendengar bahawa Kabilah Hawazin telah bersatu dengan Kabilah lain, bagi membebaskan semula Kota Mekah dari tangan Rasulullah SAW. Setelah menerima maklumat ini, Baginda Rasulullah SAW berangkat ke Hunain untuk menyekat kemaraan kaum Hawazin yang diketuai oleh Panglima mereka, Malik bin Auf. Jumlah tentera Islam sudah bertambah iaitu sebanyak 12,000 orang dan mempunyai kelengkapan yang cukup.

Sewaktu remang subuh, tentera Islam mula menuruni lembah Hunain. Baginda menunggang keldai putih. Ketika di tengah lembah Hunain, tentera Islam diserang hendap, dan keadaan pertahanan tentera Islam sudah kucar-kacir. Tentera Islam yang baru memeluk Islam telah mula melarikan diri bagi menyelamatkan nyawa mereka. Suasana yang cemas ini diperhatikan oleh Abu Suffian, ketua kaum Quraisy yang baru sahaja memeluk Islam, dengan senyum sinis dia berkata, "mereka tidak akan berhenti berlari sebelum mereka sampai ke pantai". Walau apa pun berlaku, Baginda sebagai Panglima Perang tetap duduk di atas keldai putihnya, dengan dikawal rapi oleh kerabatnya, dan sahabat besar daripada kaum Ansar dan Muhajirin.

Dalam keadaanya yang cemas itu, Baginda Rasulullah SAW mengarahkan pamannya supaya menyeru tentera Islam kembali berjuang. Abbas bin Ab Mualib yang memiliki suara yang nyaring itu terus memanggil tentera Islam mengikuti kumpulan-kumpulan mereka dengan katanya, "Di manakah kaum Ansar yang telah memberi tempat perlindungan kepada Rasulullah SAW? Di mana pula kaum Muhajirin yang telah berikrar sumpah setia di bawah pohon ...?" "Rasulullah SAW berada di sini..." Laungan itu didengari oleh kaum Ansar, dan mengingatkan mereka kepada sumpah setia Aqabah, manakala kaum Muhajirin pula mengingatkan sumpah setia Ridhwan, lalu mereka menyerbu kembali dengan jawapan, "Labbaik ...ku penuhi panggilanmu...ku penuhi panggilanmu...! Laungan ini mula bergema di lembah Hunain dan akhirnya mereka dapat mengalahkan tentera Malik bin Auf dengan mudah, serta memperolehi harta rampasan perang yang terbesar.

KESIMPULAN

Itulah beberapa siri peperangan yang diperlihatkan sekadar untuk memberi beberapa contoh atau teladan sahaja. Dari sejumlah peperangan yang diceburi oleh Baginda SAW terdapat dua peperangan yang sedikit mengalami kerugian. Peperangan-peperangan itu ialah Uhud dan Hunain. Dalam peperangan Uhud tentera Islam menderita seramai 70 orang terkorban, tetapi yang sebenarnya bukan kerugian, malah keuntungan mendapat darjat syuhada, termasuklah bapa saudara Rasulullah Hamzah bin Ab Mualib Singa Allah. Kemalangan jiwa yang menimpa tentera Uhud sebenarnya bukan semata-mata kelemahan strategi atau taktik peperangan. Tetapi sebab utamanya ialah kemurkaan Allah terhadap tentera Islam yang telah digodai oleh cintakan dunia dan tamakkan harta. Mereka mengejar harta rampasan perang dan menukar niat daripada berjuang kerana Allah SWT kepada harta benda. Oleh itu Allah menarik balik kerahmatannya serta menurunkan bala ujian kepada bukan sahaja orang yang melakukan kezaliman di kalangan mereka.

Manakala peristiwa kekalahan awal dalam peperangan Hunain juga berlaku kerana sebab yang sama. Tentera Islam tealh dimalukan oleh Allah dengan kejutan kekalahan awal ketika mereka merasa gagah dan kuat kerana sebilangan daripada mereka telah diserang oleh perasaan 'ajaib dan riak'. Mereka telah mulai melupai Allah. Bahawa pemutus sesuatu peperangan itu sama ada menang atau kalah ialah Allah, bukan kerana kuat gagah diri mereka. Sikap bangga diri dan riak ini telah dimurkai Allah sehingga Allah menemplak di dalam Al Quran dengan melukiskan perasaan mereka di waktu itu bahawa bumi yang begitu luas teras amat sempit kerana takut. Cerita ini

didedahkan oleh Allah di dalam firmanNya di dalam surah At Taubah ayat 25 yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak medan peperangan dan di Hunain ini, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab jumlah kamu yang ramai, maka jumlah yang ramai itu tidak mendatangkan faedah sedikit pun, dan kamu merasai bumi yang luas ini menjadi sempit, kemudian kamu berpaling undur melarikan diri".

Keadaan pada peperangan Badar atau Al Ahzab adalah berlainan sekali. Di Badar atau Al Ahzab tentera Islam memiliki sejumlah anggota yang kecil serta kelengkapan yang kurang pula. Manakala pihak musuh mempunyai anggota yang besar dan dengan senjata dan kelengkapan yang baik. Namun tentera Islam masih mampu memperolehi kemenangan. Kalau kemenangan di hitung melalui cara kebendaan, maka sudah tentu tentera Islam akan kalah di dua peperangan itu. Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Sebenarnya, kemenangan yang diperolehi oleh tentera Islam itu adalah kerana pertolongan Allah. Pertolongan terhadap hambaNya yang cukup syarat-syarat untuk memperolehi kerahmatan dan pertolonganNya. Mereka keluar berjuang kerana mencari keredaan Allah, senantiasa bertawakal dan berdoa kepadaNya, dengan semangat mengejar kemenangan mati syahid. Bila syarat kemenangan itu di penuhi, maka Allah akan menurunkan pertolonganNya di dalam bentuk yang kita sendiri tidak memahaminya. Misalnya di dalam peperangan Badar, Allah menurunkan perasaan 'assakinah' ke dalam setiap hati tentera Islam, dan perasaan "al ra'bu" di dalam hati orang kafir Quraisy. Manakala dalam peperangan al Ahzab Allah campakkan perasaan curiga mencurigai di dalam hati tentera kafir serta menghantar tenteraNya, iaitu angin taufan yang membalikan khemah tentera musuh. Maka begitulah ketentuan yang Allah laksanakan.



Mejar Haji Mohamad Rahim bin Haji Awang telah berkhidmat sebagai Pegawai Hal Ehwal Agama Islam di KEMANTAN mulai tahun 1978. Beliau telah diserapkan dengan tauliah pangkat Mejar dalam Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) mulai tahun 1987, dan sekarang memegang jawatan PS 2 Istimbati Jabatanarah KAGAT. Beliau berkelulusan B. Is. (Hons) dan diploma Pendidikan dari UKM pada tahun 1978 dalam bidang Usuluddin dan Falsafah.

Dan bersiap sediaalah untuk menentang mereka (musuh Islam) dengan segala jenis kekuatan yang mampu kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap, yang mana (dengan persediaan itu) dapat menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu.

— Al-Anfal: 60

Dan sesiapa yang berperang pada jalan Allah lalu ia mati (gugur syahid) atau beroleh kemenangan, maka kami akan memberi kepadanya pahala yang besar.

— An-Nisa: 74



PERISIKAN, MAKLUMAT DAN SUSUNAN STRATEGI

LT KOL MOHD KAMAL BIN OMAR

"Intelligence deals with all the things which should be known in initiating a course of action"

Harry Howe Ransom

PENDAHULUAN

Secara ringkas dan dalam satu ayat di atas, Harry Howe Ransom, melalui bukunya "The Intelligence Establishment", telah menghuraikan kepentingan perisikan apabila hendak merancang atau memulakan sesuatu tindakan. Beliau telah menambah lagi bahawa "... the classical intelligence process which leads to data input for the many federal intelligence agencies whose information assists the President in making crucial decisions". Pada pendapat saya, apa yang telah dibentangkan oleh Ransom itu, kena dengan tajuk perbincangan rencana ini. Saya memang bersetuju bahawa peranan perisikan penting dalam sesuatu susunan strategi dan begitu juga peri mustahaknya peranan maklumat yang perlu digunakan secara bijaksana untuk melaksanakan sesuatu strategi yang tertentu.

Tidak lagi boleh dinafikan bahawa peranan perisikan perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa,

mengikut perubahan zaman dengan adanya pemodenan dari berbagai aspek, sama ada dari segi politik, ekonomi, ataupun dari segi ketenteraan, oleh setiap negara dalam dunia ini, lebih-lebih lagi kepada negara-negara Adi Kuasa Besar (Super Powers), termasuk juga negara-negara Kuasa Besar (Major Powers), yang kini sudah mula berlumba-lumba di antara satu sama lain untuk menguasai kawasan-kawasan strategi di dunia ini. Disebabkan perlumbaan kuasa ini, faktor perisikan kini telah menjadi satu masalah utama kepada negara-negara yang berkenaan. Kelalaian atau kejahilan oleh mana-mana pihak ke atas gerak-geri, ataupun kegagalan untuk memahami tujuan sebenar musuhnya, boleh membawa kepada satu situasi yang tidak diingini.¹

Rencana ini akan menumpukan pada kepentingan peranan perisikan dan maklumat, dalam penyusunan sesuatu strategi oleh sesebuah negara. Ia akan lebih menumpukan kepada negara seperti Amerika Syarikat,

1. Kepentingan ini mengikut Sherman Kent, seperti yang telah dibentangkan di dalam bukunya "Strategic Intelligence For American World Policy", 1949, New Jersey, Princeton University Press, ms. xviii, adalah "The penalties for ignorance in a truly peaceful situation can be severe, a thousand times more so in the presence of an adversary who is everywhere."

memandangkan negara ini, dalam perlumbaan kuasa di dunia dapat membayangkan beberapa contoh mengenai kepentingan pengumpulan bahan-bahan perisikan, sama ada dari aspek politik, ekonomi, ataupun dari aspek ketenteraan.

DEFINISI

Sebelum rencana ini diteruskan, saya berpendapat ada baiknya pengertian sebenar beberapa perkataan utama yang akan ditumpukan, seperti Perisikan, Maklumat dan Perisikan Strategik didefinisikan.

Perisikan. Mengikut fahaman yang telah disampaikan oleh Sherman Kent, 'perisikan' bererti 'pengetahuan' (intelligence means knowledge)². Pengetahuan yang dimaksudkan oleh Kent itu, meliputi satu campuran maklumat besar yang diperolehi dari negara-negara asing. Maklumat ini dikenali sebagai "high-level foreign positive intelligence". Pengetahuan ini dikenalpasti dan akan menjadi salah satu penduan kepada polisi tertinggi sesebuah negara dalam hubungannya dengan negara-negara lain. Mengikut Kent, maksud "high-level" itu adalah berpandukan kepada keperluan pengetahuan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk perisikan asas, seperti perisikan gerakan, perisikan taktikal ataupun maklumat-maklumat di peringkat rendah, meliputi aktiviti-aktiviti ketenteraan yang dikenali sebagai perisikan tempur. Manakala maksud "positive" pula adalah menumpukan bukan pada perisikan secara "counter intelligence" ataupun "counter-espionage," pengetahuan yang dicari adalah semata-mata pengetahuan yang boleh membantu dan membentuk dasar kerajaan ataupun dasar nasional, yang dapat menentukan kedudukan dan keselamatan sesebuah negara itu berada dalam keadaan yang setabil.

Mengikut Alfred C. Maurer, Marion D. Tunstall dan James M. Keagle dalam buku mereka "Intelligence: Policy and Process," definisi perisikan adalah seperti berikut:

"... intelligence as refined informations desired or used by the state to further its national goals or policies. Intelligence concerns the means by which such information is collected, the translation of the raw information through interpretation or analysis based on both technical

exploitation and a more subjective 'expertise' and the possible utilization of that refined information-intelligence by the policymaker³."

Jika dibandingkan definisi perisikan yang telah disampaikan oleh Kent dengan definisi yang telah dikemukakan oleh Maurer, Tunstall dan Keagle, saya berpendapat bahawa kedua-dua definisi tersebut seakan-akan sama di antara satu sama lain. Kedua-dua definisi telah memberi satu gambaran bahawa perisikan adalah maklumat penting yang perlu dibekalkan oleh sesebuah institusi untuk membolehkan pembuat dasar (policymaker) menyediakan dasar-dasar nasional sesebuah negara.

Maklumat. Mengikut Roger Hilsman, perkataan perisikan boleh dibahagi-bahagikan kepada lima aspek.⁴ Salah satu daripadanya ialah perisikan bererti maklumat yang benar. Maklumat-maklumat yang dimaksudkan ini, boleh diperolehi dari dokumen-dokumen terbuka, surat-surat khabar, radio, dan juga dari sumber-sumber lain.

Salah satu lagi sumber perisikan sebagai maklumat, mengikut Hilsman, ialah "esoterics," meliputi "electronic intelligence, code breaking" dan pesawat peninjauan seperti U-2, dan satelit yang dilancarkan mengelilingi dunia untuk tujuan tertentu, termasuk tugas perisikan. Sebagai contoh ialah krisis peluru berpandu Cuba 1962 di mana pihak Amerika Syarikat telah berjaya mengesan kehadiran peluru-peluru berpandu Rusia yang telah dihantar ke Cuba.

Dari pengertian perisikan dan maklumat yang telah dibentangkan di atas, perlu diingatkan bahawa semua data yang telah diterima, masih dianggapkan sebagai maklumat dan tidak diiktiraf sebagai perisikan selagi belum siap diproses atau sebelum siap untuk penyebaran. Seperti yang kita fahami, perisikan mengandungi tiga peringkat iaitu pengutipan, analisis dan penyebaran.

Perisikan Strategik. Mengikut pengertian yang telah dikemukakan oleh Kent,⁵ perisikan strategik mengandungi maklumat-maklumat yang amat penting demi untuk kewujudan sesebuah negara, berkaitan dengan spekulasi jangka panjang mengenai kekuatan dan tujuan negara-negara lain. Perisikan strategik dikaitkan dengan salah satu pengertian utama yang membantu membentuk dasar perhubungan di antara

2. Ibid; ms 3

3. Alfred C. Maurer, Marion D. Tunstall and James M. Keagle. *Intelligence: Policy and Process*. Westview Press London - 1985. ms 1.

4. Dalam jurnal *Armed Forces and Society*, Volume 8, Number 1 Fall 1981, On Intelligence, Roger Hilsman, telah menguraikan lima aspek perisikan. Yang pertama perisikan bererti "factual information" misalnya, Rusia mempunyai 5,000 ICBs. Yang kedua, perisikan dikenali sebagai "knowledge - interpretation, judgement, evaluation, or prediction." Ketiga, perisikan bererti "covert action." Keempat, perisikan adalah satu pertubuhan organisasi yang terlibat dengan "policymaker" dan kelima adalah mengenai peranan perisikan dalam "free society"

5. Sherman Kent, *Op Cit*; ms VII.

negara, sama ada pada waktu perang ataupun waktu aman. Mengikut Walter Lippmann, "foreign policy is the shield of the republic."⁶ Tambah Kent pula, perisikan strategik "... is the thing that gets the shield to the right time. It is also the thing that stands ready to guide the sword".

KEPENTINGAN PERANAN PERISIKAN DAN MAKLUMAT

Perisikan dan maklumat adalah pengetahuan penting yang diperlukan oleh pihak tentera dan jua oleh pihak awam untuk memastikan kestabilan dan keselamatan sesebuah negara. Kepentingan peranan perisikan dan maklumat dalam penyusunan sesuatu strategi oleh mana-mana negara akan menghadapi berbagai-bagai masalah dari mula sesuatu maklumat tertentu diperlukan.

Keperluan sedemikian akan dikendalikan melalui satu proses yang dikenali sebagai Proses Perisikan⁷. Proses ini meliputi faktor-faktor penilaian analisis dan integrasi yang mana didapati perhubungan faktor-faktor ini di antara satu sama lain adalah terlalu rapat, kadangkala mengakibatkan dilakukan sekaligus oleh penganalisis-penganalisis strategik. Mengikut pengalaman perisikan strategik Amerika Syarikat, faktor-faktor yang baru dibentangkan itu, perlu diawasi melalui dua operasi. Yang pertama ialah Operasi Pengawasan dan yang kedua ialah Operasi Penyelidikan⁸. Melalui Operasi Pengawasan, pihak Amerika Syarikat dapat mengawasi setiap aktiviti di sekitar dunia secara lebih dekat, dan teliti dan melalui Operasi Penyelidikan, kajian ke atas setiap situasi yang telah lalu dan sedang atau akan berlaku, turut dikaji dan dianalisis.

Melalui langkah-langkah yang diambil itu, pihak Amerika Syarikat mengamalkan dua "state policy" untuk menghadapi cabaran dari negara-negara sahabat dan juga negara-negara sebaliknya. Polisi pertama ialah "Self-initiated, positive, outgoing policy" yang diambil untuk kebaikan seluruh dunia dan mempertingkatkan kemakmuran nasional. Polisi yang kedua lebih menumpukan kepada pertahanan dan langkah-langkah untuk bertindak balas ke atas polisi negara-negara yang mendatangkan mudarat. Polisi ini lebih dikenali sebagai polisi "national security"⁹.

Bagi menentukan satu proses pemilihan dan penyelidikan sesuatu polisi yang efektif, pihak perancang (institusi) dan pihak yang akan melaksanakannya, mesti berkemampuan untuk memilih dari bahan-bahan maklumat yang telah diterima, dikaji dan yang telah dianalisis. Pihak ini juga mesti berkemampuan untuk memilih satu ketetapan dari beberapa kemungkinan supaya dapat dipertimbangkan dan dikuatkuasakan oleh pembuat dasar.

Persoalan-persoalan yang perlu dipertimbangkan oleh pihak perancang, ke atas bahan-bahan kemungkinan itu, meliputi misalnya dapatkah diterima ketetapan tersebut oleh Bangsa-Bangsa Bersatu; adakah ia berdiplomasi; adakah masalah politik; adakah masalah ekonomi; adakah hanya satu propaganda; adakah satu ancaman, atau adakah ketetapan tersebut mengandungi sedikit sebanyak daripada unsur-unsur yang telah disebutkan tadi? Kesemua persoalan ini (dan mungkin lebih lagi daripada ini), perlu dipertimbangkan semasa masak-masaknya.

Sebelum sesuatu pengesahan dibuat, pembuat dasar juga perlu dinasihatkan oleh pihak perancang, mengenai, misalnya¹⁰:

- Bagaimanakah polisi tersebut akan diterima oleh negara-negara lain dan apakah langkah-langkah yang mungkin atau akan diambil oleh negara-negara tersebut untuk bertindak balas?
- Apakah kelemahan-kelemahan yang ada pada negara-negara lain jika sekiranya negara-negara tersebut bertujuan untuk bertindak balas?
- Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh negara-negara tersebut untuk menyusun tenteranya?
- Apakah tindakan yang boleh diambil oleh negara-negara tersebut untuk memperbaiki kelemahan yang ada?
- Apakah latarbelakang geografi mengenai negara-negara tersebut?

Dari keterangan ini, ternyata bahawa pembuat dasar perlu disediakan dengan maklumat-maklumat perisikan mengenai negara-negara lain, yang bukan sahaja lengkap, bahkan juga dengan maklumat yang telah dianalisis

6. *Ibid.* ms viii.

7. *Risalah sekolah Perisikan Angkatan Tentera, Production and Dissemination of Strategic Intelligence. Handout No: SI 9, Defence Adviser Course No 3/86, ms 1.*

8. *Sherman Kent, Op Cit; ms 4.*

9. *Ibid; ms 5.*

10. *Ibid; ms 5.*

dan disediakan dengan beberapa kemungkinan, supaya dapat pembuat dasar mengeluarkan satu dasar yang positif.

Walaupun setelah memperolehi berbagai-bagai maklumat melalui proses perisikan, termasuk bahan-bahan maklumat mengenai kelemahan-kelemahan sesebuah negara, pihak institusi perisikan mesti berkemampuan untuk meramal haluan-haluan tindakan yang harus diambil oleh sesebuah negara itu.¹¹ Ini boleh dikaji berpandu sama ada melalui haluan-haluan tindakan yang telah diambil pada masa-masa yang lepas oleh sesebuah negara itu; sifat dasar luarnya yang lepas-lepas; adakah sudah menjadi satu tradisi; ataupun semata-mata satu perubahan baru yang disengajakan. Kajian seumpama ini, menurut Kent, adalah satu anggapan ke atas tindakan yang harus diambil oleh sesebuah negara. Dari hal ini, Kent telah mengingatkan bahawa:

"... intelligence does not claim infallibility for its prophecies. Intelligence merely holds that the answer which it gives is its most deeply and objectively based and carefully considered estimate."¹²

Ini bererti bahawa maklumat-maklumat yang diperolehi itu, mesti berasas dan berkaitan dengan langkah-langkah yang mungkin akan diwujudkan sebagai satu polisi oleh sesebuah negara itu. Maklumat-maklumat yang ingin untuk dijadikan sebagai satu anggapan, mesti mempunyai nilai-nilai yang tertinggi. Ini boleh ditentukan dengan adanya sesebuah institusi perisikan yang berkeupayaan dan telah mempunyai tumpuan objektif yang jelas dan tertentu. Disebalik itu, mungkin maklumat-maklumat yang dicapai itu masih tidak memberi satu gambaran yang diperlukan, ataupun masih kurang lengkap dan muktamad. Sambil itu juga, satu keadaan telah timbul, yang mana, nyawa ataupun soal keselamatan negara telah terancam dan dipersoalkan. Maka adalah wajar langkah ini dikemukakan untuk dipertimbangkan oleh pembuat dasar.

Disebalik itu, sekiranya ketetapan yang diambil oleh pembuat dasar itu mendatangkan satu hasil yang mengalami kegagalan, mereka tidak semestinya boleh dipersalahkan, memandangkan mereka telahpun mengambil langkah-langkah yang perlu diberi perhatian. Apa yang terhasil mungkin diluar dugaan, ataupun, mungkin atas kebijaksanaan negara-negara lain yang telah mengambil langkah tindakbalas yang lebih positif.

Seperti yang telah dibentangkan di atas, tugas perisikan perlu dilakukan dengan teliti yang dipraktikkan melalui satu proses yang mengandungi pengutipan, penghuraian dan penyebaran. Namun demikian, kegagalan sesebuah negara dalam sesuatu krisis atau peperangan sering berlaku, misalnya serangan Jepun ke atas Pelabuhan Pearl 1942, dan Krisis Peluru Berpandu Cuba 1962¹³. Kedua-dua contoh ini telah menonjolkan kegagalan perisikan Amerika Syarikat. Soalnya ialah, apakah punca kegagalan perisikan? Saya berpendapat bahawa bahawa soalan ini, sedikit sebanyak, harus diketengahkan. Mungkin jawapannya, akan dapat memberi lebih keberkesanan terhadap pentingnya peranan maklumat-maklumat perisikan dalam perisikan strategik.

Kegagalan perisikan, mengikut Mark M. Lowenthal,¹⁴ boleh dibahagikan kepada empat faktor yang ada kaitan dengan proses perisikan, iaitu pengutipan maklumat, analisis dan penyebaran maklumat seperti berikut:

- **Ketiga-tiga proses perisikan (pengutipan, analisis dan penyebaran), bergantung antara satu sama lain.** Penghasilan Pengutipan atau penghasilan pengutipan maklumat-maklumat yang lemah akan memberi satu gambaran yang tidak tepat dan lemah. Contohnya seperti maklumat awal perisikan mengenai peluru berpandu Rusia di Cuba pada 1962.¹⁵
- **Kelambatan memperolehi, menganalisis dan menyebarkan maklumat-maklumat penting.** Ini telah mengakibatkan pembuat dasar gagal untuk menyediakan langkah-langkah tindak balas.
- **Ketepatan maklumat perisikan.** Maklumat-maklumat perisikan yang tepat perlu disediakan, jika tidak, apa jua keputusan ataupun dasar-dasar yang disediakan akan menjejaskan tujuan yang sebenar.
- **Yang akhir ialah objektif negara (nasional).** Apakah objektif ini jelas dan difahami oleh setiap yang berkenaan? Apa yang dimaksudkan di sini ialah, sekiranya objektif yang sebenarnya tidak diterangkan dengan sejelas-jelasnya, maka ternyata bahawa proses pengutipan maklumat-maklumat akan dilaksanakan secara membuta tuli tanpa apa-apa tumpuan yang tertentu boleh menghasilkan

11. Ibid. ms 58.

12. Ibid. ms 59.

13. Tercatat dalam artikel oleh Mark M. Lowenthal "The Durdensome Concept of Failure, dalam buku Intelligence: Policy and Process, ms 43.

14. Ibid. ms 51.

15. Peluru berpandu Rusia telah tiba di Cuba pada bulan Julai 1962, akan tetapi, pihak perisikan Amerika Syarikat (CIA) hanya berjaya mengesaninya pada bulan Oktober 1962. Ibid. ms

berbagai-bagai jenis maklumat diterima. Sudah tentu kebanyakan daripada maklumat tersebut tidak menepati matlamat yang diperlukan. Mungkin kepada negara seperti Amerika Syarikat yang mempunyai "global interest", dan yang berkemampuan untuk mengutip berbagai-bagai jenis maklumat, tindakan seumpama ini tidak menjadi satu masalah. Akan tetapi bagi negara-negara ketiga seperti Malaysia, misalnya, tindakan seperti ini membazir, memandangkan tumpuan negara kita lebih kepada "regional interest" dan sedikit-sedikit kepada negara-negara kuasa besar di Eropah dan negara-negara di Asia Timur seperti Jepun, dan tidak ketinggalan juga negara adi kuasa seperti Amerika Syarikat dan Rusia.

Selain dari faktor-faktor tersebut di atas, salah satu lagi aspek yang sering dipersalahkan ke atas kegagalan perisikan ialah apabila berlakunya sesuatu keadaan secara mengejutkan (surprise). Lazimnya, bila berlaku sesuatu "surprise", pihak yang berkenaan (pembuat dasar) akan terus mempersalahkan pihak perisikan atas kegagalan menyediakan maklumat-maklumat perisikan yang lengkap atau awal, walaupun kadangkala kesalahan tersebut adalah kesalahan pembuat dasar sendiri.¹⁶

Ternyata bahawa peranan proses perisikan adalah mestihak dan kritis untuk mengatasi kegagalan perisikan. "Anticipation" yang tepat ke atas tujuan sebenar pembuat dasar negara-negara lain adalah satu tugas yang berat perlu dipikul oleh penganalisis strategik. Misalnya, serangan Jepun ke atas pelabuhan Pearl yang pada mulanya diramalkan oleh pihak Amerika Syarikat bahawa Jepun sukar untuk melancarkan "an outright attack"¹⁷ Pendapat yang salah ini telah dinikmati dengan satu "tamparan" yang tidak dapat dilupai oleh Amerika Syarikat.

KESIMPULAN

Pengendalian perisikan untuk membantu dan menjamin pembuat dasar sesebuah negara supaya boleh menghasilkan langkah-langkah positif untuk berhadapan dengan negara-negara lain, memerlukan lebih daripada cuma mengharapkan "flow of informations" datang dari sumber-sumber tertentu. Langkah ini tidak mencukupi. Nyata bahawa dari fahaman ke atas bahan-bahan yang telah dibentangkan, apa yang perlu dipraktikkan oleh institusi perisikan ialah "planning" dan "foresight" oleh penganalisis-penganalisis institusi

perisikan.¹⁸ Keperluan sesuatu objektif itu, hendaklah jelas dan seberapa yang boleh di "narrow down" keperluannya supaya tumpuan sepenuh dapat diimplikasikan.

Sebagai penutup, perisikan dan maklumat yang dianggap memainkan peranan "critical" dalam perhubungan di antara sesebuah negara dengan negara-negara lain, boleh diuraikan sebagai mempunyai dua keutamaan. Pertama, ia digunakan sebagai satu perlindungan, ataupun pertahanan, sesebuah negara, secara menyediakan amaran-amaran awal, bertujuan untuk menghalang hasrat negara-negara lain untuk menjatuhkan atau merosakkan kepentingan negara, sama ada secara politik, ekonomi, ataupun dengan cara ketenteraan. Yang kedua, ialah perisikan dan maklumat menyediakan dasar luar negeri yang aktif, menghasilkan perhubungan negara dengan negara-negara lain secara lebih positif.¹⁹

BIBLIOGRAFI

- Bahagian Staf Perisikan Pertahanan., (Article). *Strategic Intelligence International Politics*. Defence Adviser Course No 3/86. Handout No SI 3. 1980.
- (Article). *Other Components of Strategic Intelligence*. Defence Adviser Course No 3/86. Handout No: SI 1. 1980.
- Bovey, Robert., (Article). *Readings on Intelligence Analysis: The Quality of Intelligence Analysis*. Defence Adviser Course No 3/86. Handout No: SI 14. Feb 1980.
- Dulles, Allen W., *The Craft of Intelligence*. Weidenfeld & Nicholson. London. 1963.
- Godson, Roy., *Intelligence Requirements For The 1980's. Analysis And Estimates*. Transaction Books. New Brunswick & London. 1980.
- Griffith, Samuel B., *Sun Tzu: The Art of War*. Oxford University Press. London, Oxford, New York. 1963.
- Hailton, Lee H., (Article). *Essays on Strategy and Diplomacy: The Role of Intelligence In the Foreign Policy Process*. The Keck Centre For International Strategic Studies, No 9. August 1987.
- Hilsman, Roger., (Article). *On Intelligence*. Armed Forces and Society, Vol 8, No. 1. Fall 1981.

46.

16. Ibid; ms 52.

17. Risalah Sekolah Perisikan Angkatan Tentera. US Intelligence And The Congress. Handout No: SI 15. Defence Adviser Course 3/86, ms 17.

18. Alfred C. Maurer, Marion D. Tunstall, dan James M. Keage, Op Cit; ms 44.

19. Kent, Op Cit; ms 151.

Kent, Sherman., *Strategic Intelligence For American World Policy*. Princeton University Press. New Jersey. 1949.

Maurer, Alfred C., Marion D. Tunstal and James M. Keagle., *The Intelligence: Policy And Process*. Westview/Boulder. London. 1985.

Ransom, Harry Howe., *The Intelligence Establishment*.

Harvard University Press. Cambridge, Massachusetts. 1970.

Sekolah Perisikan AT., (Article). *Production and Dessimination of Stratgic Intelligence*. Defence Adviser Course No3/86. Handout No: SI 9. 1980

(Article). *Introduction to Stratrgic Intelligence*. Research Methodology, Handout No RM 1. 1980.

(Untuk Biodata Penulis sila lihat muka surat 19 – Editor)

In a free country like our own ... every male brought into existence should be taught from infancy that the military service of the Republic carries with it honour and distinction, and his very life should be permeated with the ideal that even death itself may become a boon when a man dies that a nation may live and fulfill its destiny.

– Gen Douglas Mac Arthur

KEPIMPINAN DAN SISTEM PENTADBIRAN UNIT-UNIT ASKAR WATANIAH

Lt Dr Katni Kamsono Kibat

PENGENALAN

Sejarah Askar Wataniah bermula semenjak tahun 1902 yang pada ketika itu dikenali dengan nama 'Volunteer/forces'. Pada zaman peperangan menentang tentera Jepun, anak-anak watan ini terlibat dalam mempertahankan kedaulatan negara. Apabila Jepun memerintah Malaya, mereka pulang ke kampung masing-masing.

Selepas Jepun menyerah, seramai 1000 orang anggota termasuk mereka yang menentang Jepun telah diambil semula dan terbentuklah pasukan 'Home Guard'. Pada 1 Februari 1948, sebuah pasukan sukarela telah dibentuk dengan nama pasukan Sukarela Teknikal, dan disamakan dengan 'Army Service Corps (Volunteer)' dan Polis Tentera dan 'Recce Corps (Volunteer)'. Pada tahun 1958, satu undang-undang 'TA (Terms of Service) Regulation 1959 dan TA (Pay and Allowance) Rules 1959' telah diluluskan dan diikuti dengan penubuhan pasukan 'Valunteer'. Pada tahun yang sama,

pasukan 'Home Guard' dibubarkan. Pada bulan Januari 1959, terbentuklah satu pasukan ASKAR WATANIAH. Majlis Angkatan Tentera dipertanggungjawabkan dari segi pemerintahan, tatatertib, pentadbiran dan penyelenggaraan. Pengarah pertama ASKAR WATANIAH ialah seorang anggota pasukan 'Force 136' bernama Kolonel Yeop Mahidin bin Mohd Sharif, PJK (sekarang Dato').

Peristiwa-peristiwa bersejarah di seluruh negara yang melibatkan aspek-aspek keselamatan seperti konfrontasi (1964), Peristiwa 13 Mei 1969, kedatangan pendatang-pendatang haram, pembinaan LEBUHRAYA TIMUR-BARAT menjadikan Askar Wataniah semakin diperlukan. Rancangan pembesaran pun dimulakan.

Pada tahun 1980, sesuai dengan keperluan negara dan pembesaran Tentera Darat Malaysia, Kor Askar Wataniah telah diubahsuai dan dipanggil Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) di bawah pentadbiran Markas XI Divisyen PSTD. Dari tarikh ini, terbentuklah

RESERVES - THINKING ALOUD

To ideally defend the country Malaysia needs some fourteen to fifteen divisions. If this were so, imagine how it could retard the nation's economy. However, defence planners stressed that the current standing force will remain which means to say that the rest of the requirement would come from outside resources, which in turn would constitute the primary reserves for the defence.

Currently we realise that the call for reserves does not get the desired response. People are just not forthcoming for one reason or another. We too, realise

there are loop-holes in the system and that we are happy to note our defence planners are actually doing something about it. There is a lot of publicity lately on how to address the problem and this is indeed a good sign.

A SECOND ARMY

As a matter of thinking aloud, I am not quite sure whether having a second army could be the way of addressing the problem. Logically since someone has to 'Think Reserves' the Second Army concept would

beberapa siri Rejimen seperti Siri 500, Siri 300, Siri 100 dan unit-unit lain yang kini berjumlah lebih dari 60 buah. Kini PSTD ditukar semula dengan nama ASKAR WATANIAH.

MATLAMAT PENUBUHAN ASKAR WATANIAH

Tujuan penubuhan Askar Wataniah adalah seperti berikut:

- Melatih belia-belia di negara ini dengan latihan ketenteraan sepenuhnya, supaya menjadi anggota simpanan tentera yang bersedia membantu pasukan keselamatan untuk mempertahankan negara apabila keadaan memerlukan.
- Melatih belia-belia menghayati tata tertib ketenteraan dalam kehidupan sehari-hari supaya menjadikan belia-belia kita hidup bertatertib.
- Memelihara dan menyambung khidmat bekas-bekas sukarelawan seperti 'Home Guard' dan Pasukan Sukarelawan yang bersemangat ketenteraan terutamanya mereka yang telah sebatian dengan kehidupan sebagai anggota sukarelawan dan menanamkan semangat sedia berkorban kepada negara dan tanahair.

FALSAFAH KEPIMPINAN KETENTERAAN

Di dalam tentera, seorang pemimpin perlu membuat keputusan. Oleh kerana keputusan ini melibatkan nyawa anggota di bawah perintahnya, "his style of leadership should be 'autocratic' and for this reason he is placed in a clear position of authority and is given the backing

of a legal code of discipline".

Mengikut Mintzberg, seorang pemimpin mempunyai peranan asas seperti berikut:

- Sebagai perancang untuk kumpulan.
- Membuat dan melaksanakan dasar mengikut had dan kadar yang ditetapkan oleh pihak yang lebih berkuasa.
- Mempunyai dan mengajarkan kepakaran di dalam bidangnya.
- Menunjukkan contoh dan teladan yang boleh diikuti oleh orang bawahan.
- Mengawal dan mengendali perhubungan dalaman.
- Menjadi orang tengah atau 'arbitrator' di dalam sebarang perselisihan.
- Menetapkan ganjaran dan hukuman.
- Menjadi wakil kepada kumpulan.
- Simbol kepada kumpulan.

Seorang pemimpin di dalam tentera harus mempunyai ciri-ciri kepimpinan seperti berikut:

- 'Character'; iaitu tingkah laku yang baik, kewibawaan, kejujuran dan boleh menaikkan keyakinan pengikut-pengikut terhadapnya.

be a good idea. This would ease the burdens of the chiefs who could gear their efforts towards something else more meaningful. Indeed this is something for the defence planners to ponder and I suppose it merits a further study. Conceptually the second army (or maybe the Armed Forces) can be explained by the organisation in Fig. 1. The organisation demands that Panglima Askar Wataniah (PAW) be independantly structured and only answerable to the PAT on all matters relating to the reserves force. However on technical and office routine management, staffs of PAW work laterally with various respective Services.




Fig. 1. The Proposed General Organisation of The Second Army.

The terms of reference for PAW will have to be carefully delineated. But as a broad brush concept, PAW handles only matters relating to the Armed Forces Reserves. Since he handles the intricacies and problems of a size three times that of a regular force, he possibly could be a four-star, maybe three-star general. Under him there could be three one-star generals, each responsible for the army, navy and the air force respectively. Of course, to have a department of PAW (Like DTD, DTL, DTU) will be somewhat lavish, but a small and credible PAW headquarters can efficiently coordinated and share resources of respective regular departments on matters relating to the regulars in the reserve or merely the reserve support.

- 'Intelligence'; iaitu daya fikir yang baik di dalam menghadapi masalah.
- 'Willpower'; iaitu kekuatan mental untuk mengatasi segala rintangan.
- 'Judgement'; iaitu mempunyai pemikiran yang analitik dan menggunakan kematangan di dalam membuat keputusan.
- Ketahanan mental dan fizikal; harus mempunyai cukup stamina dan tahan lasak dalam semua keadaan.
- 'Emotional Stability'; harus tidak terlalu menggunakan emosi di dalam menghadapi masalah.
- 'Enthusiasm and drive'; harus mempunyai minat di dalam segala tanggungjawab yang diberikan kepadanya.

KEPIMPINAN DALAM ASKAR WATANIAH

Program latihan yang disusun oleh Akar Wataniah selama ini sama ada secara langsung atau tidak, cuba mendidik para anggota sukarelawan untuk menjadi pemimpin di peringkat masing-masing. Di dalam latihan, para anggota diberi tanggungjawab untuk menjadi ketua baik di padang kawad, di medan peperangan, di dalam pentadbiran atau dalam kumpulan masing-masing. Latihan-latihan seperti ini telah membantu dalam meningkatkan keyakinan diri, disiplin, kerjasama dan boleh menyesuaikan diri dalam semua situasi.

Sukarelawan yang dilatih sebagai bakal pegawai di Pusat Latihan Askar Wataniah (Ipoh), Sekolah Pegawai Kadet (Port Dickson) dan Pusat Latihan

Pegawai Simpanan (PALAPES) mempunyai latarbelakang sebagai tenaga profesional, akademik, guru-guru dan siswa/siswi dari pusat-pusat pengajian tinggi. Kemahiran serta keterampilan yang sedia ada akan dapat membantu dalam mengendalikan unit masing-masing dan memimpin anak buah mereka.

Sebaliknya pula latihan ketenteraan yang dialami oleh sukarelawan ini dapat digunakan di dalam menjalankan tugas-tugas awam apabila mereka berada di jabatan masing-masing ataupun dalam kehidupan sehari-hari.

Dari apa yang dilihat, tidak terdapat masalah yang terlalu menonjol di dalam kepimpinan di peringkat atasan. Contohnya, Ketua Pemerintah Kanan yang mempunyai kelulusan akademik dan profesional yang tinggi selama ini telah dapat menjalin perhubungan dengan semua anggota Angkatan Tentera di semua peringkat termasuk Kementerian Pertahanan.

Askar Wataniah telah dapat melahirkan pemimpin dan ketua-ketua yang boleh dibanggakan. Contohnya, terdapat token-token seperti:

- Perebet Alias bin Ibrahim, yang telah dikurniakan Pingat PGB kerana keberaniannya menumpaskan musuh.
- Mejar Ning binti Mahabi, wanita pertama yang diserap menjadi anggota staf di Kementerian Pertahanan.
- Lt Kol Tan Choo Ann, Pegawai Sukarelawan yang pertama menjadi Pegawai Pemerintah Markas Kor Perkhidmatan (AW).

PAW's main objective would roughly be to meet the requirements of the current standing force. Indeed it must always maintain a size on a current rotation of three times the regular force. How PAW meets his objectives will be left to his own judgement and we need not worry so much.

"RESERVE-ING" THE PUBLIC SECTOR

People say that MINDEF civilian staff should be made to serve as reserves. I agree fully with this, after all they deal directly with defence matters, one way or another. I would also go a little bit further. A move should be made for compulsion of all public service civilians to serve in the reserves (whether military, police or other essential services). Of course one would argue about the question of legislation and cabinet approval. Try to wonder if this were to happen, it would definitely serve to solve multitudes of problems. Firstly, the burden on recruitment would be

reduced. Imagine 600,00 people enlisting! Secondly getting the right person, in terms of security, desirability etc, would be easy since the government would have already vetted them before joining. Try to visualise a district officer joining the reserves; and figure out what impact he would have on that district. Thirdly, these people who serve in the reserves will learn to understand all the problems that the military faces and would sympathise with it. Indeed there are many advantages to this move. Come to think of it defence is, after all, everybody's business.

I am not quite sure whether the government would buy this idea or not but nonetheless it is worth a try. There should be a strong political will in the field of defence.

RAPID EXPANSION

The other day the Minister was heard to have talked on rapid expansion. This idea is possibly not new; it has

Banyak juga pegawai muda yang terdiri daripada graduan dalam berbagai-bagai bidang seperti kejuruteraan, komputer, pertanian, undang-undang, pengurusan dan pendidikan Islam. Mereka ini telah diserapkan sebagai pegawai tetap. Pengetahuan akademik mereka telah sedikit sebanyak membantu dalam melicinkan pentadbiran unit-unit yang disertai.

Apa yang menjadi masalah kini ialah mutu kepimpinan di peringkat platon dan seksyen dalam beberapa unit kerana banyak ketuanya terdiri daripada pegawai-pegawai muda yang kurang berpengalaman baik dalam tentera mahupun dalam pentadbiran jabatan.

Ketua-ketua di peringkat platon dan seksyen (dari lain-lain pangkat) tidak dapat menunjukkan prestasi kepimpinan yang baik disebabkan oleh beberapa masalah:

- Tidak banyak pendedahan di dalam situasi sebenar, oleh itu kurangnya keyakinan untuk memimpin.
- Sistem latihan yang kurang sesuai di mana unit-unit sering dianggotai oleh jurulatih yang kurang berkualiti dan berpengalaman di dalam mengajar. Banyak jurulatih yang terdiri dari anggota yang sedang menunggu tarikh tamat perkhidmatan.
- Layanan yang diberikan kepada pegawai-pegawai muda sukarelawan tidak sama dengan layanan yang diberikan kepada pegawai tetap. Mereka sering dianggap sebagai "askar kelas dua" atau 'half-baked soldier'. Layanan seperti ini telah melemahkan semangat mereka.
- Setelah ditauliahkan atau tamat latihan, tidak ada tindakan susulan di kalangan pegawai-pegawai

muda atau rekrut untuk menjalani latihan seterusnya. Oleh itu, pengetahuan ketenteraan yang diperolehi tidak dapat ditingkatkan. Contohnya, daripada lebih 2,500 orang pegawai muda PALAPES yang ditauliahkan, hanya 5% sahaja yang melaporkan diri dan menjalani latihan seterusnya.

- Sikap pegawai-pegawai sukarelawan atau anggota-anggota yang tidak bertaualiah yang terlalu mementingkan kedudukan dan kebendaan seperti naik pangkat dengan cepat, ganjaran kewangan dan kemudahan-kemudahan lain, telah mengurangkan minat untuk berkhidmat dengan lebih serius dan berdedikasi. Dengan sendirinya, faktor ini telah menjejaskan mutu kepimpinan mereka.
- Arahan atau dasar yang kadang-kadang tidak konsisten, boleh menyebabkan timbulnya kekeliruan dan tidak sehaluan di dalam melaksanakan tugas. Contohnya, tentang peraturan pakaian, pemakaian nama-nama unit, peminjaman kemudahan-kemudahan untuk latihan, kelambatan mendapatkan jawapan dari pihak atasan tidak dapat membantu menjalankan tugas mereka sebagai ketua.

ASPEK PENTADBIRAN ASKAR WATANIAH

Pada dasarnya, pentadbiran Askar Wataniah terbahagi kepada beberapa elemen seperti berikut:

- **Elemen Simpanan Tempur.** 31% daripada anggotanya terdiri daripada anggota tetap. Ia serupa bentuk dengan Batalian Infantri Angkatan Tentera Malaysia.

never been implemented. May be there was no reason to; but surely a forethought on this is worthwhile. The Minister's move to increase the number of officers whilst reducing the number of lower ranks is an approach to this. In the light of this, amongst others; officers must be trained to handle jobs and functions two levels above their present ones because units' COs may be made to command brigades when the balloon goes up. Of course the brigade he is to command would have already been prepared by PAW in his recruiting drive.

In any attempt to get the reserve brigade battle-worthy, training has to be implemented. Schemes and how to conduct training will be the domain of PAW. He must handle this without fail if the jigsaw is to fit nicely. Of course many reserve training schools would have to be set up. Preferably one per state would be considered an amicable answer. Reserves should be made to attend a

month of in camp training to achieve cohesiveness within the organic unit which he or she would be assigned to. The burden of ensuring this incamp training, to mould and to test them as a group would rest on the officer who would be assigned to command it (the camp).

This then boils down to the aspect of double-hatting. An officer who is a regular should be designated a reserve command appointment. This would provide him some 'Reserve-sense'. Say AP (P&P) would be designated as GOC 14 Div or SO 1 Tadbir could be Bde Comd 40 Reserve Brigade. Both will make sure that their respective Bde or Div reaches a level of battle worthiness. Of course the COs under 40 Bde will come from double hatted appointments like SO 2 Estb, SO 2 Tech and SO 2 Plans of DTD. In other words all officers of the regular Army will be allocated a reserve command or appointment. But for some this may not be so because they will be the basic

- **Elemen Simpanan Bantuan Tempur.** Ia mengandungi unit-unit seperti Rejimen Semboyan Medan dan Skudron Jurutera Medan.
- **Elemen Simpanan Bantuan Perkhidmatan.** Ia mengandungi satu kompeni perubatan, kompeni angkut, bekalan dan hantaran udara.
- **Elemen Simpanan Statik.** Terdiri daripada Rejimen Siri 500 yang berfungsi sebagai pusat latihan dan tenaga mengumpul bagi anggota sukarela untuk mengisi kekosongan Unit Simpanan Tempur.
- **Elemen Simpanan Pakar.** Mengandungi pasukan-pasukan seperti Semboyan Pakar (Telekom) dan Rejimen Jurutera Pakar.
- **Pasukan Tugas Khas.** Ia terdiri daripada pasukan unit Siri 300 Batalion Infantri. Pasukan ini bertugas mengawal keselamatan lebuhraya Timur-Barat. Anggotanya bertugas di dalam perkhidmatan kerahan separuh masa.
- **Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES).** Unit-unit ini berfungsi untuk melatih pegawai-pegawai kadet yang terdiri daripada pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh negara. Konsepnya tidak banyak berbeza dengan Reserve Officers Training Centres (ROTC) di Amerika Syarikat.

Sehingga kini terdapat sebanyak 58 buah unit di seluruh negara di bawah pasukan dan markas-markas tertentu (lihat Kembaran A). Sebagaimana yang dikatakan tiap-tiap unit mempunyai peranannya sendiri dan kebanyakannya bersiap sedia di barisan kedua

untuk menghadapi sebarang ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

Mengikut pengumuman yang dibuat oleh Panglima Angkatan Tentera pada awal tahun 1989 yang lepas, negara memerlukan seramai 300,000 orang anggota simpanan, termasuk anggota-anggota yang telah berhenti berkhidmat. Ini menunjukkan satu petanda bahawa pasukan Askar Wataniah akan dibesarkan, kerana kerajaan pada masa ini tidak mampu membesarkan anggota tetapnya memandangkan keutamaan kewangan yang perlu disalurkan kepada pembangunan ekonomi.

KEBAIKAN

Kebanyakan daripada anggota-anggota sukarela dari semua peringkat yang memasuki pasukan Askar Wataniah telah menyatakan manfaat yang telah mereka peroleh. Di antara lain:

- Segala pelajaran yang diterima sewaktu berkursus didapati berguna. Selain daripada ilmu ketenteraan banyak yang telah memperolehi kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti membuat jambatan, rumah cepat siap, bangunan, memperbaiki jentera dan pertolongan cemas.
- Banyak yang telah meningkatkan kecergasan fizikal dan mental kerana latihan ketenteraan melibatkan banyak pergerakan anggota seperti bersenam, berlari, menyeberang sungai, memanjat gunung dan berlatih di hutan.
- Disebabkan oleh ujian-ujian fizikal dan mental banyak yang telah dapat meningkatkan tahap keyakinan diri dan boleh menyesuaikan diri di dalam banyak situasi. Orang yang dahulunya

staffs during war time. Say, for example, AP Latih or the SO 1 Trg, during war will be very involved in the coordination of training particularly that of new and raw recruits. AP OPs and the staffs of Army Ops will remain to form the basic operational staff of PTD. In a nutshell, those staff officers in MINDEF or on the ground, whose appointments during war are unnecessary are likely to be awarded reserve appointments. This designation will remain constant

despite ongoing changes due to postings.

This brings us to administration. Officers must be provided the 'leave of absence for training' for a certain period per year for purposes of joining their battalions/brigades/divisions during training. They will be made answerable to the PAW whilst on this training period.

RESERVISTS

Every year many servicemen leave us. For the past 10 years there has been some 8,000 (maybe more) who had left. Considering the figure, we have lost a large number of expertise (in terms of resources utility) because of our failure to control them. Whilst it is accepted that someone should maintain the list of reservists, convenient fingers point in all directions when asked. Something has to be done about this because the group is yet another invaluable source of reserves.

PALAPES

What is actually happening to our PALAPES today? Many have graduated and eventually are forgotten. The other day I heard grumbles by one of them who has left his college three years now and he hardly gets called for

takut telah bertambah berani, dan orang yang dahulunya 'timid' telah bertambah yakin.

- Semangat bekerjasama dan sikap mahu menolong telah dapat diasahkan ke dalam sanubari anggota. Perasaan hormat kepada ketua telah dapat ditanamkan. Pendek kata banyak institusi di mana anggotanya terdiri dari Askar Wataniah telah mendapat faedah.

Kesemua kebaikan yang diperolehi seperti di atas telah jelas dirasai hasil daripada perancangan dan pentadbiran yang sistematik, kemas dan seragam. Tiap-tiap pergerakan atau pentadbiran dari perkara kecil seperti menulis surat sampailah kepada perkara yang besar seperti pentadbiran mahkamah tentera adalah seragam di seluruh negara. Disebabkan oleh keseragaman ini, banyak anggota yang dipindahkan tidak menghadapi banyak masalah dalam mentadbirkan tugas-tugas mereka.

MASALAH-MASALAH PENTADBIRAN

Walaupun telah terlihat kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Askar Wataniah semenjak 30 tahun yang lalu masih terdapat kelemahan-kelemahan pentadbiran yang perlu diatasi. Sekiranya tidak ada langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini, harapan untuk memperbesar keanggotaan Askar Wataniah tidak mungkin dapat dicapai. Di antara kelemahan-kelemahan yang dihadapi dapat dibahagikan kepada beberapa aspek:

- Undang-undang Angkatan Tentera 1972. Di dalam beberapa perkara ia tidak selaras dengan Warta Kerajaan 1972. Contohnya, pegawai yang boleh diberi kuasa untuk duduk dalam Lembaga Penyiasatan adalah berbeza. Ini boleh menimbulkan kekeliruan di dalam 'proceeding' mahkamah kelak. Setengah peruntukan tidak

begitu spesifik. Contohnya, penyalahgunaan dadah adalah lebih serius dari peruntukan di dalam Seksyen 60 (mabuk).

- Dari segi pentadbiran, terlalu banyak didapati perintah yang sering diubah dalam masa yang singkat, tetapi makluman perubahan ini tidak sampai ke peringkat bawah. Contohnya, perintah pertukaran pakaian telah banyak menimbulkan kekeliruan kerana banyak di antara anggota-anggota unit yang tidak diberi makluman.
- Dalam aspek latihan, banyak masalah telah dihadapi, di antaranya ialah:
 - Surat-surat arahan kepada anggota lambat sampai dan kadang-kadang tidak sampai. Ini menyebabkan jumlah kedatangan tidak pernah mencukupi.
 - Alat-alat seperti senjata yang ada pada tiap-tiap unit hanya memenuhi keperluan 1/3 dari jumlah seluruh anggota.
 - Bekalan peluru hidup dan peluru kosong sering tidak mencukupi. Di dalam latihan, anggota banyak menggunakan mulut untuk menandakan bunyi tembakan, ini satu perkara yang sungguh-sungguh mengabaikan atau memperbudakkan anggota.
 - Alat-alat lain seperti kenderaan, pakaian, topi besi, dll sukar diperolehi dengan cukup.
 - Tuntutan perjalanan sebanyak enam sen tiap-tiap satu kilometer perlu ditambah.
 - Majikan sering sukar memberi pelepasan kepada

either training or assignment. If this is true then we have wasted our time training them in the first place. Some machinery for control and mobilisation on them is indeed required. If possible they should be made to attend camp yearly, lest we want their expertise lost. I think in this area, it is best left to PAW and his staff.

BUILDING THE RIGHT FRAME

There are some areas that need correction if a good flow of reserves is expected. For one we know the terms and conditions of service viz-viz incentives are not quite balanced and right. This needs to be addressed objectively. Then there is the problem of legislation plus political will. But listening to the Minister, this can be easily resolved. Most of all, we have to admit ...our problem. The

commitment or the lack of it is something we have to sort out. Our emphasis on reserves has always been low. If we ourselves treat it such others will inevitably reciprocate in the same manner.

What had been said is only a matter of thinking aloud. It may not be loud enough to be heard or heeded but it's worth keeping it at the back of our mind. The problems of reserves will remain if little is done about them. Defence is the business of all and everyone. We must bear that in mind.

- Mej Mohd Ariffin bin Che Din

anggota untuk menjalani latihan walaupun ini bertentangan dengan Akta Angkatan Tentera 1972.

- Terdapat juga jurulatih yang kurang mahir telah ditugaskan untuk mengajar.

Satu aspek yang agak serius ialah kebajikan anggota-anggota itu sendiri. Di peringkat pegawai, tidak terdapat satu saluran yang selaras tentang kenaikan pangkat. Ada anggota yang dikerah dan diberi arahan untuk mengambil kursus sebelum dinaikkan pangkat. Dibalikinya, ada anggota yang dinaikkan pangkat terus ke pangkat Mejar malah Leftenan Kolonel tanpa terlebih dahulu menghadiri kursus. Akibatnya pegawai-pegawai yang naik percuma ini hanya mengeluarkan perintah berlandaskan pangkat yang ada di bahu tetapi tidak memahami prosedur tertentu. Ada juga pegawai-pegawai sedemikian tidak mengambil apa-apa inisiatif untuk memperbaiki unit masing-masing.

KESIMPULAN

Dua aspek telah disentuh di dalam tulisan ini, iaitu kepemimpinan dan pentadbiran Askar Wataniah. Kesimpulan yang dapat diberikan ialah seperti berikut:

• Kepimpinan

- Askar Wataniah telah dapat melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang boleh dibanggakan.
- Ada ciri-ciri dan peranan kepemimpinan yang terdapat pada sumber-sumber lain yang boleh digunakan oleh Askar Wataniah sebagai panduan.
- Pegawai-pegawai tentera Askar Wataniah mempunyai latarbelakang akademik dan profesional yang berguna untuk melicinkan pentadbiran Askar Wataniah.
- Beberapa masalah telah dihadapi oleh pemimpin-pemimpin di peringkat platun dan bawahan. Masalah ini ada kena mengena dengan sistem latihan, sikap mereka sendiri dan anggapan pegawai-pegawai tetap terhadap mereka.

• Pentadbiran

- Askar Wataniah kini terbahagi kepada tujuh elemen dan sekarang sudah terdapat 58 unit di seluruh negara.
- Anggota sukarela sedang dipertimbangkan supaya jumlahnya dinaikkan ke angka 300,000 orang.

- Banyak faedah dan kebaikan yang dinikmati oleh anggota-anggota Askar Wataniah hasil dari pentadbiran yang sistematik dan selaras pada keseluruhannya.

- Namun demikian terdapat beberapa masalah tentang peruntukan yang terdapat dalam Akta dan Warta Kerajaan.

- Masalah-masalah lain mengandungi perkara-perkara seperti pentadbiran latihan, kebajikan anggota dan sistem pentadbiran sendiri.

CADANGAN

Dari apa yang dijelaskan di atas, beberapa senarai diutarakan untuk pertimbangan:

• Aspek Kepimpinan

- Diadakan latihan susulan yang terus menerus selepas pentauliahkan pegawai-pegawai muda sebelum dikerah atau dihantar ke unit-unit tertentu. Pendedahan yang seluar-luasnya harus diberikan untuk menambahkan keyakinan mereka.
- Pegawai-pegawai atau anggota sukarela sanggup mengorbankan masa dan keselesaan hidup untuk bersama-sama tenaga tetap dalam mempertahankan negara. Mereka harus diberi semangat oleh pegawai-pegawai tetap dengan layanan dan anggapan yang lebih positif.
- Sikap bermegah-megah dengan pakaian tentera di kalangan pegawai-pegawai sukarela harus diperbetulkan. Mereka harus lebih berdedikasi selepas pentauliahkan.
- Satu jalan harus diambil untuk pegawai-pegawai muda yang baru ditauliahkan supaya melapor diri kepada unit-unit yang berhampiran.
- Arahan-arahan dan dasar yang ditetapkan dari pihak atasan hendaklah lebih konsisten dan selaras.
- Hanya jurulatih yang berkaliber sahaja dipilih ke pusat-pusat latihan. Setiap jurulatih hendaklah ditapis dan diuji kebolehan mereka dalam mengajar sebelum dipilih.

• Aspek Pentadbiran

- Akta Angkatan Tentera 1972 hendaklah dikaji semula supaya kandungannya sejajar dengan

Warta Kerajaan serta mengandungi perkara-perkara daripada masalah terkini seperti masalah dadah dan kejatuhan moral (agama)

- Sistem surat menyurat tentang latihan hendaklah diperbaiki supaya anggota-anggota dimaklumi segera.
- Alat-alat latihan seperti senjata, peluru, pakaian, kenderaan dll hendaklah mencukupi.

- Kempen kesedaran hendaklah diadakan terus menerus supaya majikan-majikan lebih bekerjasama memberi pelepasan anggota-anggota yang menghadiri latihan.
- Kebajikan anggota dari segi kenaikan pangkat dan elaun hendaklah diperbaiki setiap masa.

KEMBARAN A

UNIT-UNIT ASKAR WATANIAH

Batalion Infantri Askar Wataniah. 11 Batalion Infantri hingga 14 Batalion Infantri.

Rejimen 501 hingga Rejimen 512

Batalion Infantri Siri 300. Batalion Infantri 301 hingga Batalion Infantri 305.

Batalion Infantri Siri 100. Batalion Infantri 101 hingga Batalion Infantri 110.

Pasukan Bantuan PSTD

1. 12 Skuadron Semboyan (Askar Wataniah)
2. Markas Rejimen Semboyan Medan
3. Rejimen Semboyan Pakar (Telekom)
4. 21 Skuadron Jurutera hingga 24 Skuadron Jurutera.
5. Markas Jurutera Malaysia (Senggaraan dan Perhubungan)
6. 40 Rejimen Jurutera Pakar (Pelabuhan)
7. 50 Rejimen Pengendalian Keretapi.

8. 60 Rejimen Jurutera Pengendalian Air.
9. 70 Rejimen Jurutera Pengendalian Janaelektrik.
10. 11 Kompeni Angkut Kor Perkhidmatan hingga 15 Kompeni Angkut.
11. Markas Kor Perkhidmatan Askar Wataniah
12. 7 Kompeni Bekalan Kor Perkhidmatan
13. 17 Platun Hantaran Udara Kor Perkhidmatan.
14. 11 Medan Perubatan

Markas Formasi.

1. Jabatanarah Askar Wataniah.
2. Markas 51 Briged PSTD.

Pusat dan Sekolah latihan

1. Pusat Latihan Askar Wataniah (PLAW)
2. Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)

Perajurit Wanita (PRANITA). Sukarelawati Pasukan Simpanan Tentera Darat.



Lt Dr Katni Kamsono Kibat kini sebagai Ketua Peringkat di PALAPES, ITM, Shah Alam. Di samping itu beliau bertugas sebagai Pengurus Alumni Institut tersebut. Beliau telah mengikuti beberapa kursus ketenteraan. Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Doktor Falsafah.

The price of greatness is responsibility

- Winston Churchill



PENGARUH PANDANGAN UMUM TERHADAP PELAKSANAAN AKTIVITI KETENTERAAN DALAM MASA AMAN

Lt Kol Kassim bin Abd Kadir

PENDAHULUAN

Pertahanan Malaysia bergantung kepada Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH). Konsep ini melibatkan sebuah angkatan tetap yang terlatih sepenuhnya sebagai angkatan teras dan sebuah angkatan simpanan sebagai angkatan kerangka. Ketika darurat angkatan kerangka ini boleh dikembangkan dengan pantas kerana mempunyai keupayaan dan taraf latihan yang hampir sama dengan angkatan tetap. Seterusnya semua sumber negara termasuk sumber tenaga manusia akan digunakan untuk tujuan pertahanan. Angkatan Tentera Negara ini berbentuk sukarela (Volunteer Army). Mereka yang masuk berkhidmat, sama ada dalam angkatan tetap atau simpanan adalah atas pilihan sendiri.

Sesebuah angkatan yang berbentuk sukarela seperti angkatan tentera kita banyak bergantung kepada 'goodwill' kerajaan dan rakyat untuk mendapat sumber tenaga manusianya dan wang ringgit untuk pembangunan dan pembiayaannya. Sikap, pemikiran dan ideologi rakyat jelata mempunyai implikasi yang begitu ketara terhadap angkatan tentera kita. Keadaan negara yang aman dan mula pulih dari sebarang ancaman komunis yang nyata telah mendorong rakyat mula mengabaikan betapa pentingnya pertahanan. Angkatan tentera kita merupakan satu pertubuhan yang agak konservatif dengan cuba mempertahankan nilai-nilai

dan tradisi ketenteraan yang diwarisi. Di sebaliknya pula generasi baru negara ini telah banyak dipengaruhi oleh perubahan sosio-ekonomi, budaya dan nilai yang begitu pesat. Perubahan-perubahan seperti ini akan menyukarkan lagi usaha-usaha kita menanamkan semangat cintakan pertahanan di kalangan masyarakat kita.

PANDANGAN UMUM TERHADAP TENTERA

PERASAAN BERHATI-HATI/CURIGA

Masyarakat kini boleh dikatakan sentiasa berhati-hati terhadap apa jua yang dilakukan oleh anggota keselamatan. Cara penghidupan tentera, budaya dan kedudukannya yang asing dari norma umum masyarakat menjadikan seolah-olah mereka terpisah dari rakyat. Etika kelakuan tentera juga agak konservatif. Ini akan lebih mengasingkan tentera dari rakyat.

Pada umumnya masyarakat akan terus menyokong perkhidmatan tentera dikekalkan secara sukarela dan akan menentang sebarang langkah menjadikannya sebagai satu paksaan. Mengerahkan setiap rakyat memasuki tentera akan dianggap sebagai satu pencabulan terhadap hak kebebasan individu. Namun demikian 'pengasingan' tentera dari masyarakat pula akan menimbulkan perasaan curiga dan sukar diterima oleh masyarakat.

Penghasilan seperti ini, sama ada secara langsung atau tidak, akan menjadikan tentera itu satu kumpulan masyarakat yang mungkin sukar difahami rakyat jelata. Bentuk hidup tentera yang terkawal dan bersemangat setiakawan yang kuat sentiasa membuatkan rakyat jelata menaruh perasaan curiga. Mereka juga berhati-hati ketika berhubungan dengan tentera kerana tidak begitu mengenalinya atau khuatir perbincangan mereka tidak disenangi oleh tentera khasnya dan kerajaan amnya. Kuasa dan senjata yang ada pada tentera juga boleh mewujudkan kebimbangan di kalangan rakyat terutamanya jika mereka tidak dapat mengenali dan mengetahui kita dari lebih dekat. Rancangan pembesaran tentera akan dipandang negatif bukan sahaja kerana dianggap membazirkan wang awam yang lebih diperlukan untuk pembangunan sosial dan ekonomi, bahkan rakyat akan mencurigai sebuah angkatan yang besar dan kuat yang berupaya mengubah bentuk kerajaan dalam negara itu sendiri.

Sesebuah angkatan tentera tetap akan sentiasa dianggap sebagai suatu alat bagi kerajaan yang memerintah. Anggapan serupa ini memang bersesuaian dengan etika tentera yang sentiasa mengutamakan nilai-nilai seperti taat setia kepada pemerintah. Sementara tentera masih kekal dengan sikap konservatifnya masyarakat umum pula terus bergerak ke arah yang lebih liberal. Kita kini telah memasuki era di mana keputusan-keputusan dibuat mengikut suara ramai. Dalam pada itu, tidak pula sesuatu keputusan itu diterima melulu. Kebangkitan rakyat ke arah mempertahankan hak individu untuk membentuk kerajaan dan memenuhi kehendak-kehendak sendiri kini sudah di tahap yang lebih matang. Peningkatan atau kemajuan dalam bidang sebaran am juga terus membantu keadaan; rakyat boleh mengambil tahu segala bentuk amalan pentadbiran dan tindak-tanduk tentera. Sebarang perbuatan kita akan dipersoalkan lebih-lebih lagi yang dianggap terkeluar dari nilai-nilai umum masyarakat.

KEBEBASAN SEBAGAI INDIVIDU

Menggunakan tekanan untuk membuat pembaharuan sudah tentunya akan mengakibatkan perasaan tidak puas hati di kalangan anggota tentera. Ini juga akan menghalang kelancaran langkah-langkah pengambilan rekrut baru. Kita akan dapati bahawa masa peralihan bagi seseorang awam menjadi seorang rekrut tentera akan lebih sukar dan mungkin memerlukan masa serta perubahan dalam pendekatan kita. Perhatian yang diberi kepada Angkatan Tentera sebagai sebuah institusi tidak seimbang dengan perhatian yang diberi terhadap hak individu bagi seseorang anggota tentera. Keadaan ini akan terus memberi kesan terhadap angkatan tentera yang kekal konservatif dan lambat laun akan ditolak oleh masyarakat, yang lebih mengutamakan nilai-nilai kebebasan dan bersifat demokratik yang berlandaskan kepada penerapan nilai-nilai Islam.

PERBELANJAAN TENTERA TIDAK PRODUKTIF

Belanjawan pertahanan dipersoalkan dengan menggunakan berbagai unsur ekonomi sebagai alasan. Kerajaan dan rakyat tidak dapat lagi menerima perbelanjaan pertahanan yang tinggi. Keadaan ini lahir kerana rakyat yakin yang ancaman keselamatan tidak wujud lagi terhadap pertahanan negara dan ini telah memburukkan lagi keadaan. Angkatan Tentera kita telah memasuki satu era di mana keadaan boleh menyukarkan kita untuk memberi justifikasi terhadap perbelanjaan yang diperlukan. Kerajaan yang didokong oleh para pentadbir dan ahli-ahli politik telah mengambil keputusan bahawa perbelanjaan pertahanan perlu dikurangkan lebih-lebih lagi untuk tujuan mengurus. Masalah dalaman tentera akan meningkat dan perasaan tidak puas hati di kalangan anggota tentera akan berkembang. Anggota-anggota tentera akan mendapati bahawa keputusan-keputusan kerajaan dalam aspek ini sukar untuk difahami. Pengurusan peruntukan kebelakangan ini telah mengakibatkan berbagai tekanan terhadap individu tentera. Jika keadaan ini tidak difahami ia boleh mendorong anggota-anggota tentera melahirkan perasaan negatif dan akhirnya semangat mereka untuk berkhidmat menjadi tawar.

Perubahan sosio-ekonomi, budaya dan nilai di kalangan masyarakat mendorong kepada timbulnya prasangka terhadap angkatan tentera. Keadaan ini juga akan lebih menjadikan tentera itu terasing dari masyarakat dan justeru itu akan bertambah kurang mendapat perhatian dan simpati. Usaha tentera untuk memberi justifikasi kewujudannya menjadi lebih sukar. Keperluan-keperluan tentera juga kurang mendapat perhatian yang saksama dari pihak masyarakat, pemimpin awam dan kerajaan. Perkara-perkara seperti kajian semula gaji dan elaun, syarat-syarat perkhidmatan dan sebagainya mengambil masa yang begitu lama untuk mendapat kelulusan. Keadaan ini perlu dibaiki dengan mewujudkan komitmen dan persefahaman yang lebih jitu oleh setiap pihak yang berkaitan. Sukar dimengertikan mengapa masa yang begitu lama diperlukan, sehinggalah boleh menimbulkan anggapan buruk dari kalangan anggota tentera atau sukarela.

PERSAINGAN MENDAPATKAN SUMBER

KESAN DARI ANCAMAN YANG SEMAKIN KURANG

Keadaan negara kita kini terus bertambah baik dari segi keselamatan. Ancaman bersenjata komunis dalam negara sudah hampir pupus sama sekali. Keadaan keselamatan di rantau ini juga menunjukkan kadar menuju ke arah yang lebih baik. Perkembangan politik serantau dan juga dunia kini telah menunjukkan ke arah perdamaian. Persaingan senjata di kalangan kuasa-kuasa besar juga menuju kepada penurunan. Keadaan

ini terus memberi pandangan kepada rakyat bahawa tidak lagi perlu tentera yang besar dan perbelanjaan yang tinggi untuk tentera dianggap sebagai tidak wajar. Keadaan negara yang terus dirasakan selamat akan, dan boleh mengakibatkan keadaan di mana segala aspek pertahanan ditekankan. Perkembangan dewasa ini akan lebih memberikan pilihan kepada kerajaan untuk menumpukan perbelanjaan ke arah pembangunan negara. Ia akan mendorong para pemimpin untuk memikirkan pengurangan tentera dan pemotongan belanjawan untuk pertahanan.

PERTUMBUHAN PESAT EKONOMI

Keadaan aman dan stabil ini memberikan kesempatan bagi kerajaan meningkat dan memantapkan sektor ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang pesat akan mewujudkan persaingan mendapatkan tenaga manusia. Rakyat akan lebih cenderung menceburi bidang swasta. Maka tentera, sama ada tetap atau sukarela, akan menghadapi kesukaran mendapatkan anggota. Ini juga akan mengakibatkan pengaliran keluar tenaga mahir ke sektor swasta dan sukar mendapat gantinya. Ketika ini pun kita telah mendapati bahawa kebanyakan anggota yang memasuki tentera adalah mereka yang gagal mendapatkan sebarang pekerjaan awam. Manakala dalam angkatan simpanan kita pula, sebilangan besarnya adalah dari golongan penganggur. Anggota-anggota simpanan ini lebih memetingkan peluang untuk dikerah sepenuh masa. Keadaan ini akan menjadi lebih buruk lagi seandainya tentera terus mengasingkan diri dan menunjukkan sifat konservatif pada pandangan umum. Publisiti yang negatif juga mengakibatkan kesukaran mendapatkan anggota yang diperlukan. Apa jua publisiti terhadap tentera yang terbit sekali sekala lebih merupakan publisiti buruk dan 'murah' seperti berita anggota tentera atau bekas tentera melakukan jenayah.

PILIHAN KERAJAAN

Seperka lagi, aspek-aspek pertahanan mungkin akan ditekankan dan ini boleh menjadi keadaan yang membimbangkan. Namun begitu, kerajaan mempunyai dua pilihan. Ia boleh menyahut laungan rakyat agar perbelanjaan pertahanan terus dipotong, paras kekuatan tentera dikurangkan dan projek-projek pembelian alat-alat dan senjata dibekukan atau ditunda. Atau kerajaan boleh tidak mempedulikan sebarang desakan tersebut dan meneruskan usaha-usaha memodenkan tentera kita dengan peralatan-peralatan yang sofistikated. Masalah besar pihak Tentera dalam masa aman ialah meyakinkan kerajaan dan rakyat agar meneruskan pembangunan dan perkembangan tentera. Maka itu kita kenalah membuktikan keperluan pertahanan itu lebih penting daripada keperluan-keperluan sektor lain.

Usaha utama kita ialah untuk mewujudkan kedudukan yang membolehkan tentera mempunyai kuasa tawar-menawar dengan kerajaan. Ini hanya dapat

dilakukan dengan satu usaha yang menyeluruh; menyedarkan rakyat mengenai pertahanan dan menjadikannya isu yang sentiasa menarik perhatian umum. Di samping itu, kita perlu memulihkan dan membaiki imej tentera. Dalam hubungan ini, tentera haruslah dapat menyakinkan rakyat tentang perkara-perkara berikut:

- Ancaman komunis dan sekutunya masih wujud walaupun mereka telah meletakkan senjata.
- Kekayaan negara dan sumber-sumber asli memerlukan perlindungan yang berterusan dari segala ancaman.
- Apa jua bentuk ancaman yang dihadapi hanya dapat dibendung dan dihindar oleh sebuah angkatan yang kuat dan berwibawa.
- Dalam masa yang sama Angkatan Tentera terus boleh menyumbang kepada pembangunan negara sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sumbangan tersebut boleh dalam bentuk pembentukan sosial seperti kecergasan, disiplin dan sebagainya atau terus membantu kerajaan dan rakyat dalam projek-projek pembangunan terutamanya di luar bandar.
- Sebuah angkatan tentera yang kuat amat perlu demi mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman musuh-musuh luar.

Angkatan Tentera juga harus boleh menyakinkan rakyat dan kerajaan bahawa sebarang pencerobohan atau peperangan jika berlaku akan terjadi dengan pantas. Tidak mudah bagi seluruh rakyat untuk meramal dan mempertahankan diri jika berlaku serangan-serangan. Yang demikian sebuah angkatan tentera yang kuat sangat diperlukan sekurang-kurangnya musuh akan berfikir dua kali sebelum menyerang.

MENDAPATKAN SOKONGAN UMUM

LIPUTAN MEDIA MASSA

Angkatan Tentera perlu melancarkan kempen yang menyeluruh dan terancang untuk mendapatkan sokongan rakyat. Kempen ini mestilah terkawal, kalau tidak ia akan menjadi 'counter productive'. Pada kebiasaannya rakyat umum mendapat maklumat mengenai tentera melalui media massa dan kadangkala ahli-ahli politik. Panglima-panglima tentera ada juga sekali sekala muncul dalam media massa. Apa yang diperhatikan ialah dasar tentera berhubung dengan kenyataan akhbar begitu ketat sekali.

Keadaan ini akan terus mengasingkan tentera dari rakyat. Ia juga akan mendorong kepada para wartawan tidak gemar membuat liputan mengenai kegiatan tentera

kerana berbagai sekatan yang dikenakan. Adalah dicadangkan supaya pihak tentera mengkaji dasar liputan akhbar semasa agar ia boleh mewujudkan kesedaran rakyat. Disamping itu pandangan yang lebih positif juga mudah dapat dikeluarkan. Pihak-pihak yang dibenarkan untuk membuat liputan akhbar harus diperluaskan. Sel Perhubungan Raya Angkatan Tentera di setiap peringkat perlu mempergunakan sepenuhnya segala sumber media massa bagi tujuan memperolehi liputan yang lebih luas. Pemimpin-pemimpin kita harus lebih bersedia berwawancara di TV dalam program-program seperti isu, fokus dan sebagainya.

Pada hakikatnya tentera sentiasa kelihatan penuh kontroversi dan dengan itu akan mudah melahirkan minat di kalangan umum untuk mengadakan perbincangan atau perbahasan umum. Peluang ini perlu kita ambil dan dipergunakan dengan bijak. Dewasa ini tidak hairanlah jika kebanyakan rakyat umum tidak mengenali panglima-panglima kita. Ramai bukan saja tidak mengenali wajah mereka bahkan nama panglima-panglima utama kita pun tidak berapa diketahui umum. Pemimpin-pemimpin kanan tentera harus dapat diperkenalkan melalui perbincangan-perbincangan forum umum. Dengan demikian mereka akan lebih dikenali dan yang lebih penting rakyat akan sedar bahawa seorang tentera itu bukan hanya boleh memikul senjata untuk berperang sahaja. Penglibatan tentera dalam kegiatan-kegiatan masyarakat perlu juga mendapat galakan dan sokongan. Dalam keadaan yang bertambah aman ini penglibatan tentera dalam kegiatan masyarakat perlu ditingkatkan dan mungkin sudah tiba masanya kita juga dapat membukakan peluang anggota-anggota kita terlibat dalam sektor swasta lebih-lebih lagi dalam sektor perindustrian.

Kita sering mendapati media massa mengungkit asal usul sesaorang bekas tentera apabila beliau dituduh terbabit melakukan jenayah walaupun telah bertahun-tahun meninggalkan perkhidmatan. Liputan seperti ini seolah-olah sengaja dibuat untuk menunjukkan keburukan seseorang tentera. Mengapa seseorang penjenayah itu tidak dikenali dengan identitinya semasa melakukan jenayah? Apakah perlu latar belakang seorang tentera harus diperbesar-besarkan? Publisiti seperti ini harus dihentikan. Pihak tentera dan kerajaan harus dapat memberi kesedaran kepada pihak-pihak media bahawa bentuk laporan mereka adalah negatif dan mempunyai kesan buruk terhadap masyarakat dan negara. Bahagian Perhubungan Raya KEMENTERAN wajar mengambil peranan aktif dalam hal ini dengan menggunakan berbagai pendekatan termasuk perbincangan, seminar, taklimat dan sebagainya. Setiap penyunting atau pengarang akhbar harus peka terhadap implikasi dan kesan laporan-laporan yang negatif seperti itu.

Pihak tentera harus berpendirian terbuka memberi peluang untuk berkomunikasi dengan rakyat pada setiap

peringkat pemerintahannya. Untuk berjaya dalam sesuatu kempen memenangi sokongan rakyat pihak tentera mesti mengubah sikapnya dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- **Lebih Liberal.** Ini perlu memenuhi keperluan asasi anggota dan masyarakat dewasa ini.
- **Sedia Bersaing.** Tentera wajar sedia bersaing secara 'commercial' dengan membelanjakan wang ringgit. Tanpa kesediaan ini tentera tidak akan dapat kekal sebagai satu angkatan yang profesional. Harus diketahui bahawa Angkatan Tentera United Kingdom telah dilaporkan memperuntukkan belanjawan bernilai 5 juta pound sterling (lebih kurang \$20 juta) semata-mata untuk kempen mendapatkan kesedaran dan sokongan pihak-pihak majikan terhadap Angkatan Sukarela bagi jangka masa lima tahun. Dalam masa yang sama kerajaan kita tidak memperuntukkan apa-apa untuk tujuan ini.
- **Sensitif.** Tentera perlu sensitif terhadap nilai-nilai umum masyarakat. Sebarang perbezaan yang ketara akan terus memisahkan tentera dengan rakyat.
- **Mudah Ubah.** Kita harus berupaya bertindak atau mengorak langkah sesuai dengan perubahan sosial.

Angkatan Tentera perlu diberikan liputan dan pendedahan yang relevan melalui media massa agar sentiasa di hati rakyat. Iklan-iklan tentera perlu diubah agar berbentuk lebih profesional dan dapat menarik perhatian anak-anak muda. Lebih banyak perhubungan kita dengan masyarakat umum, lebih baik bagi tentera. Hari terbuka, pertunjukkan, aktiviti sukan, lawatan dan kehadiran tentera dalam temasya umum boleh membantu mendekati rakyat dan seterusnya melahirkan perasaan sayang dan simpati ke atas keperluan dan masalah tentera.

PENDEKATAN YANG EFEKTIF

Dalam apa jua urusannya, tentera kita haruslah menggunakan pendekatan moden dan saintifik jika ingin berjaya dalam persaingan mendapatkan sokongan rakyat dan kerajaan. Pendekatan-pendekatan yang dimaksudkan meliputi aspek-aspek pengurusan anggota dan material, perancangan dan pengembangan tenaga manusia, pengurusan kewangan, pengurusan latihan dan sebagainya. Kegagalan tentera menggunakan pendekatan atau kaedah-kaedah saintifik dalam urusannya akan mengakibatkan ia kurang dapat difahami oleh para pentadbir awam atau swasta. Sungguhpun tentera sememangnya telah mula menggunakan beberapa kaedah moden, namun penggunaannya masih terbatas. Sikap konservatif tentera itu sendiri telah menjadi batu

penghalang ke arah pendekatan yang saintifik ini. Pada masa yang sama adalah dirasakan masih ramai pemimpin dan pegawai staf tentera yang kekurangan ilmu-ilmu yang berkaitan demi untuk memperkembangkan kaedah-kaedah pendekatan yang dimaksudkan.

PENGLIBATAN PIHAK AWAM DALAM PERTAHANAN

Penglibatan pihak awam dalam aspek pertahanan secara menyeluruh dan bersungguh-sungguh akan mewujudkan keharmonian dalam hubungan antara tentera dan masyarakat yang boleh memanfaatkan kepentingan-kepentingan tentera. Ini bukanlah sesuatu yang sukar dicapai kerana kita dapati bahawa rakyat sentiasa bersedia tampil ke hadapan menghulurkan tangan, jika ada sesuatu keperluan. Skim Askar Wataniah sungguhpun tidak mencapai kejayaan sepenuhnya, telah dapat membuktikan kesanggupan sebahagian rakyat yang sedia tampil untuk melibatkan diri. Kurangnya minat lebih ramai melibatkan diri menyertainya sudah dikenal pasti. Sebahagiannya disebabkan oleh kelemahan pentadbiran tentera dan kerajaan sendiri. Kita harus sedar, penglibatan orang awam dalam tentera mempunyai tujuan-tujuan berikut:

- Untuk mewujudkan kesedaran rakyat terhadap pertahanan negara.
- Untuk mempunyai sebuah pertubuhan yang lebih bersimpati dan peka terhadap tentera.
- Untuk menggalakkan perasaan saling memahami dan mempunyai tujuan yang sama di antara awam dan tentera.

Dalam hubungan ini anggota-anggota Askar Wataniah boleh memainkan peranan mereka dengan lebih positif. Sebagai contoh, kira-kira sedekad yang lalu, masyarakat kampus kurang mengenali tentera kita dan tidak dapat menerima kegiatan tentera. Tetapi kini keadaan telah berubah; masyarakat kampus telah mengenali tentera dan lebih dari itu sebahagian daripada mereka telah dan sedang bergiat aktif dalam PALAPES. Peranan PALAPES dalam membantu perkembangan pemimpin masa depan juga sudah diterima secara meluas. Namun demikian kita masih mempunyai banyak ruang untuk diperbaiki sama ada oleh pihak tentera mahupun anggota-anggota sukarela itu sendiri. Untuk renungan, elok kita lihat sesuatu petikan dalam satu forum RUSI pada tahun 1926 yang berbunyi "When The Territorial Army is going strong, they form a link between the regular soldier on one hand and the raw civilian on the other. The Territorial Army can be missionaries amongst the civil population in teaching the true importance of our defence forces". Petikan tersebut masih boleh dipakai. Justeru itu Angkatan Tentera harus terus meningkatkan perkembangan Askar

Wataniah dan kita mesti dapat menyakinkan kerajaan bahawa sebarang langkah untuk mengurangkan kekuatan Askar Wataniah atau Angkatan Simpanan kita akan mengakibatkan implikasi-implikasi yang negatif dan boleh menjejaskan keselamatan negara. Mereka yang menjadi pemimpin atau bakal pemimpin dalam Askar Wataniah boleh mempergiatkan usaha membantu memberi kesedaran kepada rakyat tentang apa gunanya tentera dan faedah-faedah yang boleh dijamin oleh sesebuah Angkatan yang kuat, profesional dan berpuashati. Mereka juga dapat memainkan peranan menarik perhatian para pemimpin politik kita supaya lebih peka dalam hal-hal pertahanan dan bersikap bersimpati terhadap keperluan-keperluan pertahanan. Dengan cara ini, pegawai-pegawai sukarela, khasnya mereka dari golongan cendekiawan dan pegawai tinggi kerajaan dapat membantu Angkatan Tentera dalam meminta kerajaan membaiki atau memenuhi keperluan-keperluan bersama. Adalah dirasakan dengan kedudukan dan pengaruh mereka, mereka boleh menjadi penghubung di antara Angkatan tetap dengan rakyat jelata dan para pentadbir serta kerajaan terutamanya dalam mewujudkan persefahaman dan kesedaran terhadap aspek-aspek pertahanan. Di dalam setiap sidang Dewan Rakyat dewasa ini, jarang sekali kita mendengar para perwakilan membangkit atau membincangkan isu-isu pertahanan dan tentera. Kalau ada pun, biasanya kejutan pihak pembangkang terhadap apa yang dikatakan "hanky panky deal" dalam pembelian peralatan senjata. Setiap warganegara dan khususnya para pemimpin rakyat harus peka dalam berbagai aspek pertahanan. Mereka harus boleh membangkitkan kesediaan kita, keperluan persenjataan moden bagi menghadapi cabaran masa kini, infrastruktur yang baik bagi anggota-anggota tentera dan langkah-langkah bagi mendorong penglibatan rakyat dalam bidang pertahanan. Mereka harus dapat menerima anggota tentera itu adalah "a special breed of men who are trained and entrusted with the defence of the Nation". Pengorbanan anggota tentera termasuk anggota simpanan adalah satu-satunya pengorbanan yang suci yang harus mendapat perhatian para pemimpin dan rakyat. Perhatian ini bukan hanya dari segi kata-kata manis dan pujian bahkan lebih dari itu.

KESEDARAN RAKYAT TERHADAP PERTAHANAN

Kemerdekaan kita yang dicapai tanpa pertumpahan darah sedikit sebanyak menyebabkan rakyat umum tidak begitu simpati terhadap tentera. Semangat nasionalisme rakyat juga tidak begitu jitu untuk mewujudkan suasana kebangkitan dalam mempertahankan negara. Kita sedar mungkin ada sebahagian rakyat kita akan melarikan diri dari negara ini jika terdapat tanda-tanda keselamatan negara terancam. Slogan-slogan seperti "Tentera Rakyat" atau "Tentera dan Rakyat Berpisah Tiada" dirasakan hanya

setakat slogan sahaja. Penglibatan dan sokongan serta semangat terhadap pertahanan masih belum jelas.

Dalam konsep HANRUH, peranan rakyat amat diperlukan bagi pertahanan negara. Kerajaan telah memutuskan untuk mengurangkan kekuatan tentera tetap dengan harapan dan kepercayaan bahawa rakyat akan bangun beramai-ramai memikul tanggungjawab pertahanan semasa darurat. Jika keadaan sekarang berterusan tanpa diperbetulkan, Negara akan kecewa kerana kita sangat ketandusan rakyat yang telatih dalam bidang ketenteraan yang sedia memikul peranan pertahanan ketika mereka diperlukan. Anggota Askar Wataniah yang aktif dan terlatih sangat kecil bilangannya.

Dirasakan juga ada sebahagian besar dari para pemimpin politik dan kerajaan kita yang tidak peka dengan HANRUH dan implikasinya dalam pertahanan negara ini. Nampaknya tentera sahaja yang berusaha mengorak langkah bersesuaian dengan HANRUH.

Kerajaan perlu mengambil langkah membangkitkan kesedaran rakyat. Ini boleh dibuat dengan beberapa pendekatan. Kerajaan boleh merangka satu 'master plan' bagi menimbulkan perasaan cintakan negara dan sedia berkorban apa saja demi menjaga kedaulatan Negara. Rakyat yang dibentuk dengan semangat rela berkorban untuk negara akan dengan sendirinya lebih peka terhadap perkara-perkara pertahanan dan akan lebih sensitif dalam bidang pertahanan. Salah satu pendekatan yang dijangka berkesan kepada umat Islam adalah dengan menggunakan pendekatan Agama. Islam telah memerintahkan agar umatnya bersatu padu dan mendorong agar bersedia menghadapi peperangan. Pendakwah-pendakwah kita harus mengambil pendekatan menyedarkan rakyat apa tanggungjawab mereka dalam menyokong angkatan bersenjata dan dalam pertahanan itu sendiri. Beberapa Surah dalam Al Quran yang boleh dipetik untuk tujuan membangkitkan kesedaran rakyat. Antaranya adalah:

- **Surah Al Imran 3: 103 Yang bermaksud:** "Dan berperanglah kamu semua kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai"
- **Surah Al Anfal 8: 60 Yang bermaksud:** "Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka dengan kekuatan apa yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah; musuhmu dan orang-orang selain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya".
- **Surah At Taubah 9 : 41 Yang bermaksud:** "Berangkatlah kamu baik dalam keadaan merasa ringan ataupun merasa berat, dan berjihadlah dengan harta dan dirimu pada jalan Allah. Yang

demikian itu adalah lebih baik bagimu jika kamu mengetahui."

- **Surah Ash Shaff 61 : 11 Yang bermaksud:** "... kamu beriman kepada Allah dan Rasulnya dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwamu. Itulah yang lebih baik bagimu jika kamu mengetahuinya."

- **Surat At Taubah 9 : 20 Yang bermaksud:** "Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta benda dan diri mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah, dan itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.

Islam juga telah memerintahkan umatnya agar bersiap sedia untuk menghadapi perang. Pembentukan akhlak dan sifat peribadi Islam adalah amat sesuai untuk ketenteraan. Antara sifat-sifat yang dituntut oleh Islam adalah mengaturkan gerak kerja, disiplin, menanam semangat sukakan peraturan, kepatuhan, kebersihan dan suka membersihkan diri menyemaikan jiwa dan mewujudkan keseimbangan dan keserasian di antara kebendaan dan moral. Tanggungjawab menyediakan satu angkatan perang yang berwibawa bukanlah terletak di tangan pemerintah tentera sahaja. Para pemimpin kerajaan dan rakyat jelata mempunyai tanggungjawab yang sama beratnya. Agama telah menuntut agar umatnya menentukan persediaan pertahanan seperti yang dapat kita lihat dari ayat-ayat berikut:

- **Surah Nisa' 4 : 71 Yang bermaksud :** "Wahai orang-orang yang beriman, bersiap sedialah kamu"
- **Surah An Nisa' 4: 102 Yang bermaksud:** "... Bersembahyang lah mereka denganmu, dan hendaklah mereka bersiap sedia dan menyandang senjata ..."

Langkah-langkah menyedarkan rakyat terhadap tanggungjawab mereka dalam aspek ketenteraan perlu dimulakan dari awal lagi. Program pendidikan Negara perlu mengambil kira ini bagi melahirkan warganegara yang cintakan tanahair dan sedia berkorban apa saja demi Agama dan Negara. Rakyat yang diberi kesedaran dan dibentuk dengan ciri-ciri yang dinyatakan dengan sendirinya akan mempunyai kesedaran terhadap ketenteraan dan akan lebih mengetahui keperluan-keperluan ketenteraan yang dengan sendirinya akan melahirkan rakyat yang bersimpati terhadap segala keperluan dan masalah pertahanan. Kesedaran rakyat yang dilahirkan melalui proses ini sudah tentu akan menyenangkan kita mencapai HANRUH dan negara akan lebih bersedia dalam menghadapi apa juga ancaman musuh yang nyata mahupun tidak nyata.

Beberapa langkah yang harus diambil untuk memperbaiki pandangan umum terhadap tentera ialah dengan:

- Mewujudkan program di peringkat nasional untuk memberi kesedaran terhadap keperluan-keperluan pertahanan HANRUH yang mesti difahami dan mendapat sokongan rakyat tanpa berbelah bagi.
- Mengadakan pendekatan yang sistematik untuk mengatitkan program di setiap peringkat bagi mewujudkan kefahaman rakyat dan kesedaran tanggungjawab mereka terhadap pertahanan.
- Pihak kerajaan dan tentera perlu membaiki syarat-syarat perkhidmatan dan juga faedah-faedahnya supaya boleh bersaing mendapatkan sumber tenaga dengan mudah.
- Polisi Perhubungan Raya tentera yang efektif dan praktikal perlu digubal. Publisiti kita mesti mempunyai sesuatu strategi dan mempunyai sasaran-sasaran tertentu.
- Penggunaan media massa ke tahap yang maksimum perlu dibuat termasuk mendapatkan peruntukan kewangan.
- Sokongan yang bersimpati terhadap tentera melalui pegawai-pegawai dan anggota sukarela perlu diwujudkan dan mereka harus boleh dan sanggup memberi kesedaran kepada pihak pentadbir dan politik. Persatuan Bekas Perajurit juga boleh menjadi 'pressure group' untuk pihak tentera dalam mendesak kerajaan memberikan keperluan-keperluan kita dengan sebaik-baiknya.
- Sistem pentadbiran dan pengurusan tentera perlu menggunakan pendekatan moden agar seimbang dan bersesuaian dengan sektor-sektor lain.
- Dalam keadaan negara yang bertambah aman, tentera perlu menunjukkan keupayaan ke arah pembangunan negara dalam segala aspek dan membantu dalam peningkatan sosial, sukan, projek-projek masyarakat dan pembangunan bandar atau luar bandar.
- Para pemberita media massa harus peka dengan segala objektif tentera dan persefahaman ini boleh dilakukan melalui seminar, taklimat dan sebagainya. Laporan negatif seperti yang sering kita terima perlu dihentikan dan diubah. Ini merupakan satu tugas Bahagian Perhubungan Raya tentera.
- Para pemimpin atau wakil rakyat harus peka dengan segala aspek pertahanan dan perkara yang berkaitan dengan tentera. Mereka perlu lebih sensitif terhadap keperluan-keperluan tentera, peranan rakyat dalam HANRUH, nasib individu tentera dan sebagainya. Sikap yang hanya berat terhadap mengkritik segala kegiatan tentera dan perbelanjaannya perlu diubah. Dewasa ini didapati isu-isu seperti ubat tradisional 'Tongkat Ali' mendapat perhatian dalam Dewan Rakyat lebih daripada aspek pertahanan.
